

Sidang Redaksi

Penasihat
Mohd. Faizal bin Hamzah

Editor
Jabu Anak Dugu

Penyelidik
Hasnizah binti Salleh

Pembantu Penyelidik
Noorsham Iqbal bin Nordin
Mohd. Zulfadli bin Abd. Wahid
Mohd. Fakrul Affendy bin Hamzani
Maznah binti Abdul Jaleb/Abd. Jalil
Norlyza binti Rosli

Grafik dan Reka Letak
Unit Projek Khas dan Inovasi

Terbitan
Unit Projek Khas dan Inovasi
PLANMalaysia@Melaka

Cetakan Pertama 2018

PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka)

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau, cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah PLANMalaysia@melaka, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka, Aras 5, Wisma Negeri, Bandar MITC, Hang Tuah Jaya, 75450, Ayer Keroh, Melaka.

IMEJ BANDAR JASIN

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH
 SEULAS PINANG
 SECEBIS BICARA
 ANJUNG KATA
 Latar Belakang
 Sejarah
 Sosioekonomi
 Petempatan
 Morfologi
 Infrastruktur dan Kemudahan
 Sosialisasi
 Seni bina
 Rekreasi dan Pelancongan
 Wajah-wajah
 Ceria Jasin'
 TIRAI BERLABUH
 PENGHARGAAN
 RUJUKAN

PENAFIAN

Penerbit tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketidaktepatan atau ketidaksempurnaan apa-apa maklumat yang terkandung di dalam buku ini. Penerbit telah memastikan semasa penyediaan buku ini, maklumat yang diperolehi telah didapati daripada sumber yang sewajarnya dan disahkan oleh pihak yang berkaitan. Pemilik tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kecederaan atau ganti rugi daripada penggunaan apa-apa maklumat di dalam buku ini.

Terma dan syarat ini tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa sama ada dengan notis atau tanpa notis.

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah SWT, kerana dengan limpah, izin dan kurnia-Nya, pihak PLANMalaysia@Melaka berjaya menerbitkan sebuah buku Coffee-Table Book yang memaparkan **Imej Bandar Jasin**.

Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kumpulan Editorial kerana berjaya menghasilkan sebuah naskhah yang sarat dengan informasi menarik mengenai perkembangan era pentadbiran Jasin sekali gus mempopularkan Jasin di mata dunia.

Sebagai penasihat utama kepada Kerajaan Negeri dalam menyelaras semua aktiviti pemajuan di Melaka, saya amat menggalakkan usaha penerbitan bahan bacaan ilmiah seumpama ini. Hal ini demikian kerana setiap daerah di Negeri Melaka kaya dengan sejarah dan tarikan yang wajar dikongsi bersama.

Sebuah buku barangkali tidak dapat merungkai semua perkara, namun usaha ke arah memperkaya budaya ilmu untuk dikongsi bersama seharusnya diberi pujian.

Selamat Membaca Coffee-table Book : **Imej Bandar Jasin**.



(YAB TUAN ADLY BIN ZAHARI)
KETUA MENTERI MELAKA



Seulas Pinang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera ,

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada PlanMalaysia@Melaka kerana berjaya menghasilkan Coffee-table Book : Imej Bandar Jasin.

Saya amat menghargai usaha dan inisiatif untuk mendokumentasikan bahan, maklumat , foto lama dan baharu untuk dijadikan bahan rujukan kepada generasi kini dan akan datang. Secara tidak langsung, buku ini mengembalikan ingatan kegemilangan Pekan Jasin yang menjadi nadi kepada penduduk pada ketika itu agar tidak lapuk ditelan zaman.

Semoga catatan ringkas yang penuh warna warni ini akan dihayati sebagai medium yang menghubungkan masa silam, kini dan akan datang.

Akhir kata, syabas dan tahniah atas usaha murni ini. Saya akan memberi sokongan terhadap usaha penerbitan seumpama ini kepada mana-mana Juga Jabatan atau agensi kerajaan di negeri ini.

Sekian.



(YB DATUK WIRA ROSLAN BIN IBRAHIM)
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA



Secebis Bicara

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَنَا اللَّهُ مِنَ الْبَرَكَاتِ

Salam Sejahtera,


Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang, Selawat dan Salam Atas Junjungan Nabi Muhamad SAW kerana dengan limpah kurnia-Nya PLANMalaysia@Melaka berjaya menghasilkan Coffee-table Book : Imej Bandar Jasin. Buku ini merupakan bahan bacaan ilmiah yang santai untuk pembaca lebih mengenali Daerah Jasin.

Penghasilan buku ini bertujuan untuk mendokumentasikan semula kisah dan peristiwa penting pembukaan Pekan Jasin hasil daripada pelbagai sumber lisan dan bertulis.


Saya berharap melalui penerbitan bahan bacaan ini dapat menyalurkan maklumat yang menarik dengan mengentengahkan skop revolusi perkembangan perancangan bandar di Daerah Jasin. Di samping itu, untuk dijadikan bahan rujukan selain merungkai keunikan dan keindahan daerah ini daripada pelbagai perspektif.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kepada sidang redaksi serta semua lapisan pegawai PLANMalaysia@Melaka dan juga pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, bagi merealisasikan penerbitan buku Imej Bandar Jasin.

Wassalam.



(MOND FAIZAL BIN HAMZAH)
PENGARAH PLANMalaysia@MELAKA



Anjung Kata

Coffee-table Book : Imej Bandar Jasin ini diterbitkan sebagai bacaan ilmiah yang santai untuk pembaca menghayati tentang era perancangan pembangunan Bandar Jasin, iaitu sebuah bandar yang terletak di bahagian selatan Negeri Melaka.

Buku ini memberi tumpuan kepada perancangan fizikal, bermula dengan sejarah pewujudan daerah ini, diikuti dengan perkembangan Pekan Jasin serta aktiviti sokongan lain yang menjadi pemangkin dan pmesatan pertumbuhan pekan ini sekitar tahun 1920-an sehingga kini dikenali sebagai bandar.

Bermula daripada penghijrahan pelbagai kaum dan masyarakat ke daerah ini, Jasin yang sebahagian besarnya diliputi tanah hutan belukar yang rata telah mula diteroka untuk dijadikan sebuah kawasan petempatan yang baharu. Pentadbiran, aktiviti sosioekonomi, penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap menjadi faktor perkembangan bandar ini.

Penulisan buku ini juga telah diolah semula berdasarkan sumber bertulis, kajian ilmiah, kajian lisan dalam bentuk temu bual bersama pengkaji sejarah, masyarakat setempat dan juga melalui perbincangan bersama pihak terlibat. Seterusnya beberapa bahagian lain di dalam buku ini berdasarkan tinjauan semasa di tapak yang disokong oleh rujukan dan sumber lain yang berkaitan.

Berbekalkan khazanah alam semula jadi, Daerah Jasin yang majoriti guna tanahnya merupakan kawasan tadahan air juga menawarkan destinasi pelancongan menarik kepada setiap pengunjung.

Oleh itu, penerbitan buku ini secara tidak langsung merupakan satu usaha merekod penceritaan lalu bermula dari sejarah pembukaan sehingga revolusi perbandaran dan perkembangan terkini untuk rujukan generasi akan datang.



Arca tengkolok (tangki air) dengan ketinggian 9.09 meter dan lilitan 84.5 meter yang terletak di tepi Lebuhraya AMJ menghala ke arah selatan diktraf sebagai tengkolok terbesar pernah dibina di negara ini.



TENGGKOLOK

Tengkolok, tanjak, atau destar merupakan penutup kepala tradisional lelaki Melayu yang berkait rapat dengan istana, kepahlawanan atau sinonim dengan adat istiadat bangsa Melayu. Lazimnya, ketiga-tiga penutup kepala itu dipakai bersama baju Melayu dan kain samping, keris dan capal.

Pada zaman dahulu, tengkolok, tanjak atau destar dipakai oleh golongan berbeza-beza mengikut status meskipun fungsi utamanya menutup kepala untuk aspek keselamatan dan tampil kemas. Misalnya, golongan petani sentiasa memakai destar sewaktu bekerja kerana ingin melindungi diri daripada panas terik.

Replika tengkolok ini dijadikan identiti utama Daerah Jasin yang terdapat di bulatan di Pekan Jasin dan di Sungai Rambai.

Bangunan baharu MPJ yang dikenali sebagai Vista Alamanda merupakan bangunan kerajaan negeri pertama mendapat pengiktirafan Melaka Green Seal.



Pejabat MPJ yang telah diubah suai daripada bangunan asal, sebelum berpindah ke Vista Alamanda pada tahun 2017.



Bangunan baharu MPJ yang dirasmikan pada 16 Oktober 2017 oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil bin Yaakob



L A T A R B E L A K A N G

JASIN



Negeri Melaka dalam konteks Malaysia



Daerah Jasin dalam konteks Malaysia



Kawasan yang bersempadan dengan Daerah Jasin ialah Daerah Melaka Tengah (bahagian selatan), Daerah Alor Gajah (bahagian barat), Daerah Muar, Johor (bahagian timur) dan Daerah Tampin, Negeri Sembilan (bahagian utara).

Daerah Jasin dalam konteks Negeri Melaka

Latar Belakang

Jasin merupakan daerah terbesar dalam Negeri Melaka yang meliputi hampir 40 peratus (%) daripada keseluruhan negeri, iaitu sekitar 678 kilometer persegi. Daerah Jasin mempunyai dua puluh (20) mukim, iaitu Ayer Panas, Batang Melaka, Bukit Senggeh, Chabau, Chinchin, Chohong, Bandar Jasin, Jus, Kesang, Merlimau, Nyalas, Rim, Sebatu, Selandar, Sempang, Semujok, Serkam, Sungai Rambai, Tedong dan Umbai.

Pentadbiran Daerah Jasin terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan pula terbahagi kepada dua (2), iaitu Majlis Perbandaran Jasin dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya mengikut pembahagian kawasan masing-masing.

Selain bandar Jasin dan Merlimau, terdapat beberapa pekan kecil seperti Pekan Batang Melaka, Pekan Selandar, Pekan Nyalas, Pekan Asahan, Pekan Bemban dan Pekan Sungai Rambai.

Kawasan ini dibangunkan dengan tarikan tersendiri, sekali gus menjadi pusat pemempatan penduduk yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi. Walaupun berstatus pekan, namun pembaharuan telah dilakukan bagi mengubah imej pekan tersebut agar lebih moden sejajar dengan perkembangan terkini.



GERBANG JASIN.



Sempadan Negeri Melaka (Daerah Jasin) dan Negeri Johor (Daerah Ledang) yang dipisahkan oleh Sungai Kesang



Sempadan Negeri Melaka (Daerah Jasin), Mukim Chinchin dan Negeri Johor (Daerah Tangkak)




Sempadan Negeri Melaka (Daerah Jasin) dan Negeri Sembilan (Daerah Tampin) adalah di tengah-tengah Pekan Batang Melaka, yang terdapat papan tanda memasuki negeri Melaka/Negeri Sembilan.



Batu penanda sempadan tiga (3) negeri, iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan di Laman Tiga Budaya.



Guna tanah Daerah Jasin



Klasifikasi Guna Tanah Utama	Keluasan (H)	Peratus (%)
Perumahan	2,501.27	3.6
Komersial	105.74	0.2
Industri	244.31	0.4
Pembangunan Bercampur	1.70	0.0
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	914.10	1.3
Tanah Lapang dan Rekreasi	426.92	0.6
Tanah Kosong	2,661.46	3.9
Pengangkutan	2,497.11	3.6
Pantai	207.88	0.3
Infrastruktur dan Utiliti	257.09	0.4
Pertanian	50,972.61	73.9
Hutan	5,287.95	7.7
Badan Air	2,940.64	4.3
Jumlah	69,018.77	100.00

Sumber : Laporan Guna Tanah Negeri Melaka 2017



Secara keseluruhannya, bentuk muka bumi daerah Jasin adalah rata dan landai. Hampir 75 peratus (%) keadaan muka buminya adalah landai kerana berada di bawah ketinggian 50 meter dari aras laut. Jasin mempunyai keunikan kuala sungai yang menarik sehingga menyusuri sempadan negeri-negeri lain. Sungai Kesang yang menyusuri Bandar Jasin juga memisahkan bandar lama dengan bandar baru.

Sekitar Bandar Jasin ini yang guna tanah keseluruhannya dahulu merupakan sawah padi ialah kawasan tanah rendah (low land).

JASIN

Pekan-Pekan Kecil

BATANG MELAKA

Pekan Batang Melaka merupakan sebuah pekan kecil yang sebahagian daripadanya berada dalam daerah Jasin, Melaka dan sebahagian lagi dalam daerah Tampin, Negeri Sembilan. Dari tahun 1960-an, boleh dikatakan pekan ini seperti sebuah pekan kobo. Namun kini, atas inisiatif kerajaan Negeri Melaka, pelbagai pembaharuan telah dilaksanakan yang berjaya mengubah landskap Pekan Batang Melaka.



Nyalas mendapat nama daripada daun Palas yang banyak terdapat di kawasan ini suatu masa dahulu. Kawasan Nyalas terbahagi kepada 5 solok, iaitu Solok Gapis, Solok Mantai, Solok Ayer Repat, Solok Palembang dan Kampung Baru.



Sawah di Kampung Gubah, Nyalas, 1970

Sumber: Philip Stevens

Balai Polis Nyalas, 1920



Sumber Arkib Negara Malaysia

Masjid Nyalas, 1971



Sumber: Arkib Negara Malaysia


KESANG PAJAK

Menurut sejarah, nama Kesang Pajak wujud disebabkan kawasan ini dipajak kepada pelombong bijih timah Cina. Penduduk di kawasan ini juga berasal dari Kesang, Muar yang berketurunan Raja Ali, Johor.



NYALAS

Pekan Nyalas merupakan pintu masuk orang ramai dari Negeri Sembilan dan Johor ke bandar Melaka. Pekan ini terletak di sempadan Negeri Sembilan dan Tangkak, Johor.





ASAHAN

Pekan Asahan terletak dipertemuan antara Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Dahulunya pekan ini juga dipanggil 'pekan koboi' kerana kedudukannya yang jauh daripada pembangunan.

Asahan mendapat nama kerana di sini masih terdapat batu tempat Hang Tuah mengasah kerisnya.



SELANDAR

Kebanyakan bangunan di pekan ini yang dibina sekitar tahun 1939, sudah terlalu uzur dan terbiar begitu sahaja setelah pemiliknya meninggalkan pekan tersebut untuk berhijrah ke tempat lain yang jauh lebih moden.



Di belakang deretan bangunan kedai kayu ini merupakan Sekolah Chung Hwa Asahan, Muar.



Rumah Penghulu merupakan bangunan kerajaan pertama dibina di Asahan iaitu pada tahun 1925.



Bangunan lama Pejabat Pos Asahan suatu ketika dahulu dikenali hingga ke luar negara disebabkan kawasan tersebut pernah menjadi kem tentera dan segala urusan surat menyurat termasuk dari New Zealand, England dan Fiji akan menggunakan perkhidmatan pejabat pos ini.



SEMPANG BEKOH

Bangunan-bangunan kedai di Pekan Sempang Bekoh yang dibina pada zaman penjajahan British perlu dinaik taraf bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan utama kepada penduduk setempat tanpa perlu ke Bandar Jasin.

CHINCHIN

Chinchin mendapat nama, kononnya sekumpulan rombongan pergi memining dengan membawa sebungkus cincin. Mereka meranduk sungai sehingga ke pertengahan, malangnya cincin peminangan tersebut terjatuh ke dalam sungai. Masing-masing terjun ke dalam sungai untuk mencari cincin tersebut. Akhirnya peminangan diteruskan tanpa cincin.

Dalam peta tahun 1825, Chinchin ditulis sebagai 'Ching Ching Yelang'.

BEMBAN

Pekan Bemban yang dahulunya merupakan bangunan kayu telah musnah dalam kebakaran dan dibangunkan semula dengan bangunan konkrit yang kekal sehingga kini.

Pekan Bemban terletak di pintu masuk ke Daerah Jasin melalui Daerah Melaka Tengah dan berada dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.



UMBAI

Nama Umbai berasal daripada perkataan rumput yang banyak tumbuh di sekitar tepi sungai dan paya, iaitu 'rumput kumbai'. Pokok kumbai ini menyerupai rumput air yang tingginya mencecah hampir empat (4) kaki. Pokok ini hanya boleh didapati di kawasan yang mempunyai aliran air. Batang atau daunnya digunakan sebagai tali untuk mengikat bungkusan.



Berdasarkan sejarah, Bemban merupakan kawasan kampung yang menjadi laluan bagi peniaga – peniaga yang mengikut pesisiran sungai dan laluan darat yang menjual hasil dari selatan Melaka ke Jasin dan Tangkak, Muar. Bemban juga menjadi tempat persinggahan peniaga – peniaga untuk beristirahat.

Di kawasan kampung ini banyak terdapat pokok bemban yang terdiri daripada spesies rotan yang di jadikan ikatan atap. Pada ketika itu, penduduk setempat terdiri daripada petani dan pembuat rumah. Dari tahun ke tahun kawasan ini telah di jadikan petempatan penduduk yang singgah dan menjadikan kawasan ini tempat perkampungan yang dinamakan Bemban.



SUNGAI RAMBAI

Menurut catatan sejarah, Sungai Rambai mula diteroka pada 1790 diketuai oleh Daeng Kepau yang telah membawa keluarga dari Kepulauan Riau dan membina petempatan baru bermula dari Muara Sungai Kesang dan sekitarnya. Kampung Sungai Rambai mendapat nama daripada sebatang pokok rambai yang besar tumbuh di tebing Sungai Kesang yang dijadikan tempat untuk mengikat perahu kajak dan sekoci.

Sungai Rambai mula berkembang dengan kedatangan suku Jawa dan orang Cina yang menetap dan menjalankan perniagaan sehingga wujudnya satu pekan yang dinamakan Pekan Sungai Rambai.



Sungai Rambai merupakan mukim yang menjadi pintu masuk ke Melaka yang bersempadan dengan Muar, Johor. Sungai Kesang merupakan pemisah antara dua negeri ini, iaitu Melaka dan Johor.



Bahjir di pekan Sungai Rambai pada tahun 1970

Sungai Rambai Merentas Zaman, 2016



Makam Tok Kepau@ Daeng Kepau dipercayai pengasas Sungai Rambai

Sumber: Sungai Rambai Merentas Zaman, 2016

BANDAR MERLIMAU

Merlimau meliputi Japan (8) kawasan, iaitu Merlimau Utara, Merlimau Bandar, Merlimau Timur dan Merlimau Barat yang terletak di sekitar kawasan pesisir pantai manakala Lipat Kajang, Ayer Merbau, Chenderah dan Chincin di kawasan darat.

Merlimau dahulunya sebuah pekan kecil kini telah berubah wajah menjadi sebuah bandar baharu yang berkembang pesat dengan dilengkapi segala kemudahan asas dan prasarana. Pekan Merlimau telah dikategorikan sebagai Bandar Merlimau berikutan pertumbuhan dan kemudahan yang telah dibangunkan.



Merlimau terletak di tengah perjalanan antara Bandaraya Melaka dan Bandar Muar, Johor. Jaraknya kira-kira 23 km dari Bandaraya Melaka dan Muar serta 22 km ke selatan dari Bandar Jasin. Dahulu pekan ini ialah simpang empat yang sibuk kerana menghubungkan Melaka, Muar, Jasin dan Kampung Batu Gajah. Semenjak jalan pintas Melaka-Muar dibuka pada sekitar tahun 1970-an, lalu lintas di pekan ini menjadi sedikit lenggang.

Pejabat Pos sebagai titik pusat bandar.



Kepesatan aktiviti di bandar Merlimau ini turut memberikan impak kepada peningkatan permintaan terhadap penyediaan kemudahan masyarakat dan perkhidmatan bagi menampung keperluan harian penduduk.





1990-an

Bulatan (roundabout) yang kini telah dinaik taraf kepada persimpangan lampu isyarat.



2018



Sesiapa sahaja yang memasuki Bandar Merlimau, pandangan mata mereka pasti akan tertumpu kepada sederet rumah kedai papan yang terletak di satu persimpangan di pekan tersebut.

Sekali pandang, deretan rumah kedai dua tingkat yang masih tidak jelas usianya, yang diperbuat daripada papan itu sama ada dianggap sebagai tarikan di pekan itu atau ia hanya mencatatkan pemandangan.

Namun, yang uniknya itulah satu-satunya kedai papan yang masih terdapat di Bandar Merlimau yang kini semakin membangun dengan lot perniagaan konkrit dan moden.



Deretan rumah kedai ini ialah bangunan terawal di Bandar Merlimau. Tidak dinafikan bangunan ini sudah dibina bertahun-tahun sebelum kemerdekaan memandangkan Pekan Merlimau ialah sebuah pekan lama yang banyak sejarahnya.



Bangunan kedai yang dibina pada tahun 1932.

Antara bangunan konkrit (kedai emas) paling awal dibina di pekan Merlimau lalu pada tahun 1925 berdasarkan catatan pada bangunan tersebut.



Bangunan kedai yang dibina pada tahun 1937.



Bangunan ini merupakan pasar lama yang dahulunya dikenali sebagai Chuan Huat Market (1932), sebelum bangunan pasar baru yang lebih teratur disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Jasin.



Bandar Baru Merlimau Utara



Bandar Baru Merlimau Utara terletak bertentangan dengan Politeknik Merlimau dan di sebelah Masjid Merlimau. Bandar Baru Merlimau Utara ialah pintu masuk baru antara Melaka dan Muar dari Lebuh AMJ. Lokasinya yang strategik dengan elemen komersil yang dirancang dengan baik menjadikan kawasan ini titik fokus pertumbuhan baru di Bandar Merlimau.



Deretan kedai pejabat yang sedang rancak dimajukan di Bandar Baru Merlimau Utara



Pentadbiran


Sebelum pentadbiran daerah berpusat di Mukim Jasin, pada awalnya Mukim Merlimau telah dijadikan sebagai tempat bagi pegawai British untuk melaksanakan segala aspek tentang pentadbiran Daerah Selatan Melaka (Southern District).

Pemilihan pekan Merlimau sebagai pusat pentadbiran bagi seluruh daerah Jasin pada tahun 1887 kerana kedudukannya yang terletak di tepi Sungai Merlimau dan di persisiran pantai yang memudahkan perhubungan antara satu tempat dengan tempat yang lain.

Selain itu, mukim- mukim yang terdapat di kawasan Jasin Pantai juga merupakan antara mukim yang mempunyai jumlah penduduk terbesar bagi seluruh Daerah Selatan. Faktor ini jugalah yang menyebabkan Pekan Merlimau telah dipilih sebagai pusat pentadbiran pada awalnya.

Antara tugas dan arahan penting yang dikendalikan oleh Pegawai Daerah Merlimau meliputi pelbagai perkara. Antaranya mengadakan beberapa kemajuan seperti membaiki jalan raya dan membesarkan bangunan Balai Polis Merlimau.

Pusat pentadbiran Daerah Jasin yang dibina di Pekan Merlimau terletak di tebing Sungai Merlimau kira-kira satu kilometer dari kualanya. Selain menjadi pusat pentadbiran, bangunan ini juga merupakan tempat tinggal bagi Pegawai Daerah. Bangunan ini kemudiannya telah diubah suai untuk dijadikan Pejabat Penghulu bagi Mukim Merlimau apabila pusat pentadbiran Daerah Jasin berpindah ke Pekan Jasin. Kini, tapak dan bangunan asal pejabat itu telah diubah suai untuk dijadikan Pejabat JKR dan Pejabat Pertanian bagi kawasan Jasin Pantai.



Pekan Merlimau pernah menjadi pusat pentadbiran bagi Daerah Jasin bagi tempoh lebih kurang 3 tahun sahaja bermula pada 1887 hingga 1890.



Bangunan ini pernah dijadikan bangunan pentadbiran bagi Daerah Jasin.

Pada tahun 1890, pentadbiran yang berpusat di Pejabat Daerah Merlimau telah dipindahkan ke Mukim Jasin. Perpindahan ini bertujuan untuk memudahkan sistem pentadbiran daerah dilaksanakan. Faktor kedudukan Mukim Jasin yang terletak di tengah-tengah daerah iaitu antara Jasin Pantai dan Jasin Utara menjadi justifikasi kukuh pemilihan mukim ini sebagai pusat pentadbiran baru. Tambahan pula pada abad ke-20, kawasan Jasin Utara mengalami perkembangan dalam bidang ekonomi terutamanya tanaman getah. Oleh yang demikian, pihak British cuba menjalankan polisi pentadbirannya di kawasan yang kaya dengan sumber ekonomi. Akibat perpindahan tersebut, Daerah Selatan telah ditukar kepada nama Daerah Jasin, sempena nama Mukim Jasin.

Pegawai Daerah Jasin yang pertama dilantik pada tahun 1890 ialah C.O Blagden. Selain menguruskan hal berkaitan tanah dan cukai, antara tugas Pegawai Daerah pada ketika itu ialah mengawasi dan membaiki keadaan kesihatan penduduk. Beliau juga dikehendaki melaporkan kepada pihak resident councillor di Melaka sekiranya berlaku sesuatu wabak penyakit. Dalam aspek pembangunan fizikal, Pegawai Daerah juga berperanan dalam menentukan di mana perlunya dibina jalan raya, sekolah dan kemudahan-kemudahan lain bagi memperbaiki kehidupan penduduk setempat.

Pegawai Daerah Jasin, Encik Ibrahim bin Haji Mohamed menerangkan kepada Gabenor Melaka, Dato Haji Abdul Malik bin Yusof mengenai Pelan Pembangunan Luar Bandar bagi Daerah Jasin sambil disaksikan oleh Ketua Menteri Melaka, Encik Abdul Ghafar bin Baba dan Pegawai Pembangunan Negeri, Encik Yakub bin Hitam



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Perdana Menteri, YAB Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj meneliti Buku Merah (District Land Development Red Book) bersama Pegawai Daerah Jasin, Encik Ibrahim bin Haji Mohamed dalam lawatan dua (2) hari beliau ke Melaka pada 1 Julai 1960.



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Pegawai Daerah bersama ahli jawatankuasa sedang berbincang mengenai kaedah pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan bagi Daerah Jasin.



Sumber: Arkib Negara Malaysia

PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN

Pejabat Daerah dan Tanah Jasin dahulunya berperanan sebagai Pusat Pentadbiran pada zaman pemerintahan Kerajaan British.

Pada 1 Julai 1978, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin telah ditubuhkan di bawah satu bumbung dengan Majlis Daerah Jasin. Pengurusan pejabat ini ditempatkan di bangunan Majlis Daerah Jasin. Pada waktu itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Jasin ialah Pegawai Daerah Jasin. Keadaan ini kekal sehingga penstrukturan semula Pentadbiran Daerah pada tahun 1993, menyebabkan pengurusan daerah telah dibahagikan kepada Majlis Daerah Jasin yang diketuai oleh Yang Dipertua dan Pejabat Daerah dan Tanah Jasin yang diketuai oleh Pegawai Daerah Jasin.



Pada tahun 1995, Pejabat Daerah telah berpindah ke Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Jasin yang masih kekal hingga kini.

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

Penubuhan Majlis Daerah Luar Bandar Jasin (Jasin Rural District Council) telah diwartakan di bawah seksyen 399, Municipal Ordinan yang berkuatkuasa mulai 23 Ogos 1957. Dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), maka pada 1 Julai 1978, Majlis Daerah Luar Bandar Jasin telah disusun semula dan dinamakan sebagai Majlis Daerah Jasin.

Pada 1 Januari 2007, Majlis Daerah Jasin telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Jasin berdasarkan Warta Kerajaan yang disiarkan pada 28 Disember 2006. Majlis Pengisytiharan rasmi telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Melaka pada 17 Januari 2007 di Stadium Jasin.

Pejabat Majlis Perbandaran Jasin pada awalnya terletak di Jalan Besar Jasin. Bangunan pejabat ini telah dibina pada 12 Mei 1937 oleh Persatuan India Jasin semasa pemerintahan Raja George VI.



Bangunan ini pernah dijadikan oleh Inggeris sebagai Pusat Pentadbiran Daerah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia

Semate

Tidore
Moneh

Motan

S E J A R A H
JASIN



Sejarah

Menurut sejarah, Jasin dibuka oleh seorang penghulu yang menggunakan gelaran Datuk Senara yang berasal dari Sumatera di Daerah Minangkabau. Walau bagaimanapun, sumber lain juga menyatakan bahawa Datuk Senara daripada keturunan Kesultanan Melayu Melaka iaitu Datuk Seri Nara Diraja.



Makam Tok Senara



" Makam ini adalah dipercayai makam 'Mat Yasin seorang penoreka dan pengasas Bandar Jasin. Bandar ini diberi nama Jasin sempena nama 'Mat Yasin atau lebih dikenali sebagai 'Tok Senara' yang telah meneroka Bandar Jasin sebagai penempatan dan seterusnya menjadi sebuah bandar yang pesat dan membangun.

" Makam ini dikelilingi oleh waris-waris Tok Senara dan telah dipulihara oleh Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) pada tahun 2007 melalui peruntukan 'Kumpulan Wang Tabung Amanah Pemuliharaan dan Pemugaran 'Negeri Melaka sebagai salah satu lokasi lawatan di Bandar Jasin'".

Berdasarkan peta negeri Melaka dan Nanning pada tahun 1825, nama Jasin telah dicatatkan sebagai 'Gassing'. Melalui peta ini juga membuktikan kewujudan Jasin sejak 1820-an lagi.

Asal Nama Jasin

Terdapat beberapa versi yang dikaitkan dengan asal nama Jasin.

1 Nama Jasin berasal dan bersempena dengan pokok kayu jasin yang hidup di kawasan hulu atau di kawasan yang tanahnya agak tinggi di daerah ini. Batangnya amat sesuai untuk dijadikan bahan binaan seperti rumah, pondok, pagar dan sebagainya. Oleh kerana kepelbagaian kegunaan serta hidup subur di kawasan ini, maka kawasan ini diberikan nama Jasin sempena nama pokok tersebut.

2 Nama Jasin bersempena nama seorang pendatang berketurunan Bugis, iaitu Mat Yasin yang telah membangunkan semula Jasin selepas berlakunya peristiwa kebakaran. Usaha beliau telah mendapat kerjasama pihak Inggeris dan kawasan itu dipanggil Jasin (mengikut sebutan orang Inggeris) bersempena dengan nama Yasin.

Berdasarkan sumber bertulis, Jasin telah lama wujud. Bukti tersebut terdapat dalam Resident Diary Malacca 1826 yang menerangkan tentang Jasin. Lulusan Jasin juga ada dinyatakan dalam peta yang dilukis oleh Emanuel Eredia dalam tahun 1602 iaitu dari Duyong ke Ayer Panas.



Peta yang dilukis oleh Emanuel Eredia dalam tahun 1602



Daerah Jasin dikenali sebagai Southern District. Mengikut daftar 12.7.1890, Jasin dieja sebagai Jasin. Pada tahun 1854, namanya Jassin. Berdasarkan daftar 29 Disember 1826, Jassin.

Land Registrar pada ketika itu ialah J.B.D. Ward.



MALACCA and NANNING

Taken by the British 1795; restored to the Dutch 1801; again taken 1807; restored 1818; and resumed a third time by the British in 1825.



SOSIO EKONOMI
JASIN



Pertanian

Faktor semula jadi seperti keadaan muka bumi dan tanah-tanah menjadikan Daerah Jasin kaya dengan aktiviti pertanian. Seperti kebanyakan daerah lain di Semenanjung Malaysia, tanaman seperti padi, kelapa, gambir, ubi kayu dan buah-buahan merupakan tanaman terpenting di daerah Jasin sebelum tahun 1900. Pada ketika itu, kebanyakan aktiviti ekonomi dijalankan secara turun-temurun, kecil-kecilan dan sara diri. Contohnya, kelapa ditanam bersama-sama dengan tanaman lain seperti padi dan buah-buahan bagi menambahkan hasil pendapatan mereka.

Ekonomi di daerah ini berkembang maju pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kedatangan British telah mengubah corak kehidupan rakyat tempatan. Tanaman perdagangan yang telah diperkenalkan oleh British adalah dalam bentuk intensif iaitu diusahakan secara tanaman ladang. Antaranya seperti tanaman ubi kayu, gambir, sagu dan getah.

Walaupun bagaimanapun, akibat daripada permintaan yang tinggi terhadap getah, tanaman seperti ubi kayu, gambir, sagu dan pinang telah mengalami kejatuhan permintaan dan harga.



Pewujudan Muzium Pertanian yang dahulunya merupakan bangunan Pejabat Pos merupakan bukti bahawa suatu ketika dahulu Daerah Jasin merupakan pengeluar bijih timah dan hasil pertanian terawal di Melaka serta menjadi perintis penanaman getah di Malaysia. Muzium yang diwujudkan ini bertujuan memaparkan sejarah aktiviti dan ekonomi masyarakat tempatan, khususnya dalam bidang pertanian.





Sumber : Arkib Negara Singapura

Di negara ini, kereta lembu digunakan sebelum adanya kereta. Kereta lembu dahulunya menjadi pengangkutan bagi golongan kaya di Melaka. Bagi petani di kampung, kebanyakan mereka menggunakan sejenis sistem pengangkutan yang dipanggil bentang. Bezanya, kereta bentang ini tidak beroda dan ditarik oleh binatang seperti kerbau dan lembu. Bentang digunakan untuk menarik padi, hasil-hasil pertanian, kayu api dan barangan lain yang berat. Rangka yang dipasangkan pada lembu penarik menggunakan rantai khas yang diikat pada kayu gandar. Pemandu dan pengiring barangan akan duduk di hadapan dan beban dimuatkan di belakang.

Kereta lembu atau bentang juga digunakan bagi tujuan memasarkan hasil-hasil pertanian seperti kelapa, pinang, sagu, ubi kayu, gambir dan juga buah-buahan. Semasa pulang mereka akan membeli barang-barang yang dipesan oleh penduduk kampung atau peniaga seperti tepung, minyak, garam, gula dan pakaian.



Pameran Pertanian Jasin

Sumber : Arkib Negara Malaysia



Sumber : Suara Melaka, 1981

YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam telah merasmikan Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu dan Pameran Pertanian Negeri Melaka di Jasin pada 14 November 1981. Seramai 200 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan hasil-hasil pertanian yang melibatkan 39 jenis tanaman. Gambar menunjukkan YAB sedang menyampaikan sijil dan wang tunai kepada pemenang pertandingan sayur-sayuran dan cili besar.

GETAH

Permintaan yang tinggi terhadap getah telah menggalakkan kedatangan penduduk dari India dan China ke daerah Jasin. Pada tahun 1921, terdapat 28 kawasan ladang getah di Daerah Jasin dan merupakan daerah yg mempunyai kawasan ladang getah yang terbesar di Negeri Melaka.

Kerajaan British di Melaka telah membawa masuk buruh-buruh dari luar bagi mengusahakan tanaman getah di daerah ini. Peningkatan jumlah kedatangan masuk buruh ini dapat dibuktikan dengan jumlah peningkatan penduduk Cina pada tahun 1901, daripada 2,743 orang kepada 8,074 orang pada tahun 1921. Bagi kaum India pula, pada tahun 1911, seramai 2,870 orang dan telah meningkat kepada 8,923 orang pada tahun 1921.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa pembukaan ladang-ladang getah telah meningkatkan jumlah penduduk di Daerah Jasin dan penerokaan kawasan-kawasan hutan untuk mengusahakan tanaman getah.

Pada awal abad ke-20, getah dibekukan dengan cara mencampurkan sedikit serbuk tawas ke dalam susu getah. Campuran itu kemudiannya dikacau lalu dimasukkan ke dalam suatu bekas dan dibiarkan selama lebih kurang 30 hingga 45 minit. Getah yang telah dibekukan itu kemudiannya dikeluarkan dan ditekan dengan tangan dan digelek dengan menggunakan botol atau kayu supaya kelihatan nipis. Setelah itu baharulah getah tersebut dikeringkan.

Pembukaan ladang getah di Daerah Jasin semakin meningkat bermula pada tahun 1900. Fakta ini dapat dibuktikan menerusi peta negeri Melaka tahun 1903. Dalam peta tersebut ada dinyatakan nama ladang-ladang getah yang dimiliki oleh orang-orang Eropah dan juga orang-orang Cina. Contohnya Ladang Diamond Jubilee di Mukim Rim, iaitu kepunyaan orang Eropah yang masih wujud sehingga kini.



Sumber : Arkib Negara Malaysia



Sumber : Arkib Negara Malaysia

Lawatan Gabenor Melaka, Dato Haji Abdul Malik bin Yusof, bersama Ketua Menteri Melaka, YAB Encik Abdul Ghafar bin Baba ke Nyolas (Nyolas land development area). Beliau menyeru penduduk untuk bekerja dengan lebih kuat bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Luar Bandar bagi daerah Jasin.

PADI

Sungai Rambai merupakan antara kawasan tanaman padi yang boleh dianggap sebagai jelang padi Negeri Melaka berikutan pesawah aktif dalam mengusahakan tanah mereka.



Pelbagai usaha sedang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri Melaka bagi mengisytiharkan kawasan padi sedia ada dan kawasan berpotensi di Sungai Rambai dan Merlimau sebagai sebahagian daripada Kawasan Perluasan Nasi Selatan.



Mesin padi bergerak yang digunakan di Jasin pada suatu ketika dahulu. Mesin ini akan memasuki setiap kampung bagi memberi perkhidmatan memproses padi kepada penduduk kampung.



KELAPA SAWIT



Antara kawdsan ladang kelapa sawit di Jasin



Seiring dengan matlamat kerajaan negeri, Melaka Maju Negeri Berteknologi Hijau, usaha penambahbaikan perlu dipertingkat bagi memastikan projek pertanian dan penternakan ikan terus berdaya saing.

RIMBUNAN KASEH

Projek Rimbulan Kaseh Serkam yang berkeluasan 14,164 hektar adalah yang kedua selepas projek perintis pertama diperkenalkan di Tanjung Besar, Kuala Lipis, Pahang. Terdapat dua bahagian pembangunan bagi projek Rimbulan Kaseh di Serkam iaitu kawasan perumahan seluas 8,094 hektar dan 6,07 hektar untuk pertanian dan penternakan.

Projek yang diusahakan ialah golden melon, halia, limau kasturi, ikan talapia merah, keli dan jadeperch (ikan yang tinggi kandungan Omega-3 dari Australia) serta tanaman padi siraj (campuran benih beras Basmathi dan Jepun). Projek ini bukan sahaja memberi impak yang positif kepada sektor ekonomi dan sosial, malah menjadi tumpuan baharu dalam sektor agro-pelancongan di Negeri Melaka.




Perlombongan

Emas dan bijih timah adalah antara komoditi mineral yang tidak asing dengan Semenanjung Malaysia. Negara kita telah dikenali lama dahulu dengan panggilan Aurea Chersonesus (Semenanjung Emas). Hal ini demikian kerana aktiviti pengeluaran emas dan pernah juga menjadi pengeluar bijih timah utama di dunia yang kebanyakannya dari sumber alluvium pada separuh pertama abad yang lalu. Berdasarkan konsep tiga jalur pemineralan di Semenanjung Malaysia yang diperkenalkan, Jalur Barat adalah untuk bijih timah, Jalur Tengah untuk emas manakala Jalur Timur untuk bijih timah dan emas.

Bijih timah terdapat di sepanjang Jalur Barat dan Jalur Timur, dan hampir tiada di Jalur Tengah. Jalur timah barat (western tin belt) diperkenalkan kerana penemuan bijih timah yang amat banyak dan mempunyai perkaitan pemineralan dan geologi yang rapat. Jaluran ini menganjur dari kawasan Lukut (Negeri Sembilan) dan Jasin (Melaka) di selatan semenanjung hingga ke Ulu Muda dan Sintok (Kedah) - Kaki Bukit (Perlis).

Bijih emas pula ditemui dalam Jalur Tengah bermula dari Jeli di sempadan Kelantan-Thailand, menganjur melalui Sokor dan Pulau di Kelantan, melalui Merapoh, Penjom, Selinsing, Raub di Pahang, Bahau, Kuala Pilah di Negeri Sembilan dan berakhir di kaki Gunung Ledang, Johor.



Jalur pemineralan Semenanjung Malaysia diperkenalkan oleh ahli-ahli geologi British terdahulu ketika Tanah Melayu dijajah.

Peta Taburan Mineral Semenanjung Malaysia, 1959



Berdasarkan Peta Taburan Mineral di Semenanjung Malaysia 1959, terdapat sumber bijih timah dan emas di daerah Jasin.

EMAS

Terdapat juga sumber emas di Jasin yang dilaporkan oleh British di sekitar kawasan kaki Gunung Ledang. Emas tersebut adalah dalam bentuk berkeping-keping.

Menurut sumber lisan, dipercayai, dalam Daerah Jasin, kawasan Asahan merupakan kawasan perlombongan emas. Aktiviti ini dilakukan di kawasan yang berada pada paras ketinggian 70 hingga 200 kaki dari aras laut.

Malaya : Taburan Bijih Timah, Emas dan Tungsten, 1937



Lokasi perlombongan emas di Daerah Jasin, iaitu sekitar kawasan kaki Gunung Ledang (Mount Ophir)

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan emas pada masa itu adalah mengikut tradisi, iaitu dengan memecahkan batu-batu yang mengandungi emas dan kemudiannya ditapis serta dibersihkan di sungai yang berhampiran. Walau bagaimanapun, pengeluaran emas kurang memuaskan berbanding bijih timah dan penggaliannya dirahsiakan. Pengeluaran emas kemudiannya merosot pada tahun 1850-an.

(Laporan Emas 1828)

GOED MINE


The Malacca Observer of Nov. 6, communicates the substance of a report sent in to the local government, respecting a Gold Mine, lately discovered at Bukit Taong, within three days' journey of Malacca, and not far distant from Mount Ophir, or Gunung Ledang. The report is drawn up by an individual holding probably a responsible situation in Malacca, and states that he with six more, collected in two months and a half, 24 bungksals of gold, procured with little labour. The method of working consists in digging for a certain stone interspersed with a yellow substance, which is gold, and by pounding the stone in a mortar and shifting it, the particles of gold are got, a sample of which has been sent in for inspection. The depth to which they dig for the stone varies from one to twelve fathoms. The only people found here about are Jakons, or Wild men, who occupy a small village composed of fifteen huts, and who, strange to say, claim the ground as their property, and seize whatever gold is collected. The above-mentioned Amat had all his taken from him on his way to Malacca. it is stated that one person could procure one and a half catty of gold in a year; supposing therefore that 500 persons were employed on account of the Company, there would be 450 catties got in a twelve month, which selling at the average price of 500 Spanish dollars per catty, would realize the sum of 225,000 Spanish dollars. A later account states that, whatever may be the real value of this mine, it is supposed that the Company cannot claim it, as the district in which it is situated is not included within their territories. The proper boundary, however, seems uncertain.

Sumber : Mohammad Hafiz bin Othman

BIJIH TIMAH

Sejarah merekodkan perlombongan bijih timah telah dimulakan secara kecil-kecilan oleh orang-orang Melayu sebelum era penjajahan British. Kedatangan penjajah British menyebabkan berlakunya peralihan dominasi aktiviti perlombongan ke tangan buruh-buruh Cina sekitar tahun 1870-an. Terhenti aktiviti perlombongan bijih timah pada akhir tahun 1970-an bukannya kerana bijih timah telah habis dilombong, tetapi dipengaruhi oleh kejatuhan pasaran harga bijih serta faktor-faktor yang lain.

Malaya : Taburan Bijih Timah, Emas dan Tungsten, 1926



Lokasi perlombongan bijih timah di daerah Jasin di Kesang dan Chinchin



Tasik Chinchin merupakan bekas kawasan lombong bijih timah di Jasin.

Aktiviti perlombongan bijih timah dikatakan sebagai penyumbang utama kepada kepesatan ekonomi dan perbandaran di Daerah Jasin ini. Permintaan bijih timah pada ketika itu adalah untuk kegunaan cetakan mata wang. Perlombongan bijih timah kebanyakannya dijalankan di Mukim Kesang dan Chinchin. Aktiviti ini pada mulanya telah diusahakan oleh orang-orang Melayu mengikut cara tradisional, iaitu secara lombong dedah.

Walaupun bagaimanapun, apabila British mengenakan cukai dan kedatangan golongan asing dari negara luar, menyebabkan orang Melayu meninggalkan kawasan perlombongan serta mencari pekerjaan lain dalam bidang pertanian. Aktiviti perlombongan ini kemudiannya dimonopoli oleh Orang Cina.

Cassang Tine Mine dan Chin Chin Ilang Tine Mine merupakan antara syarikat memproses bijih timah di Jasin. Selain itu, pengusaha lombong yang terkenal di Jasin pada ketika itu ialah Mr. Hawes dan Goh Chin Bee dari Syarikat Chin Chin Tin Limited.



Yap Ah Loy juga dikatakan pernah bekerja di kedai milik Yap Ng di Kesang pada tahun 1855 hingga 1856.

Perikanan



Jeti Nelayan di daerah Jasin:
 Jeti Nelayan Pengkalan Lambak
 Jeti Nelayan Sebatu
 Jeti Nelayan Kuala-Merlimiau
 Jeti Nelayan Sempang
 Jeti Nelayan Sarkam
 Jeti Nelayan Pantai Siring



Pembinaan jeti yang lengkap dengan kemudahan memberi keselesaan dan meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan. Aktiviti perniagaan menjual hasil tangkapan ikan juga boleh terus dijalankan di pasar nelayan bagi setiap jeti.



Jeti Nelayan Kuala Merlimau



Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Sempang, Merlimau yang beroperasi semenjak tahun 2012 telah menempatkan Nurseri Ikan Marin yang menjadi satu lagi pusat pembiakan dan temakan ikan siakap.

Tanah seluas 6 hektar yang memuatkan sepuluh (10) buah kolam temakan bersaiz 0,18 hektar setiap satu tersebut menggunakan kaedah sistem cents dalam proses asuhan benih-benih ikan. Sistem terbabit menggunakan air laut yang dipam ke tangki takungan sebelum dialirkan ke kolam penapisan khas bagi menjamin mutu dan kebersihan air yang akan disalurkan.



Penternakan



Sumber: Suara Melaka

Kerajaan Negeri Melaka suatu ketika dahulu amat menggalakkan penduduk tempatan untuk menceburi aktiviti penternakan. Contohnya, penternakan kambing di kawasan luar bandar. Pelbagai galakan dan insentif diberikan kepada penternak. Contohnya rancangan memelihara kambing dan kambing biri-biri yang dijalankan secara pawah dengan mengikat perjanjian. Setiap satu rancangan ini terdiri daripada 5 hingga 10 orang peserta. Seorang peserta diberi 5 ekor kambing atau kambing biri-biri dan dikehendaki memulangkan kepada kerajaan lima (5) ekor kambing atau kambing biri-biri betina yang berumur 9 bulan. Kambing atau biri-biri betina yang asal akan menjadi milik peserta.



Sumber: Suara Melaka



Kini, seiring dengan pembangunan yang semakin pesat telah mendorong pembangunan penternakan ke arah sistem yang lebih intensif dan berteknologi tinggi serta dilengkapi dengan ciri-ciri mesra alam.

Usaha menepati keperluan persekitaran ini telah berjaya menonjolkan negeri ini sebagai pengeluar telur ayam dan ayam pedaging yang pengeluarannya bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tempatan malahan mampu dieksport.



Huat Lai merupakan sebuah syarikat beroperasi di Jasin yang mengendalikan ladang ternakan ayam yang terbesar di Melaka.



Perniagaan



Menurut sejarah, penubuhan Pejabat Daerah di Mukim Jasin secara langsung menyebabkan Pekan Jasin menjadi tumpuan penduduk. Bilangan penduduk yang ramai menyebabkan munculnya aktiviti-aktiviti perniagaan. Perniagaan yang terdapat di Jasin adalah dalam bentuk jualan dan belian hasil-hasil pertanian dan tanaman seperti getah, kelapa, ubi kayu dan gambir. Selain itu, terdapat gerai makanan dan kedai runcit.

Pada peringkat awal, kegiatan perniagaan dijalankan oleh orang-orang Melayu, tetapi selepas kemasukan penduduk dari negara luar, penglibatan mereka dalam perniagaan mula berkurangan. Walau bagaimanapun, selepas kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1920-an, orang-orang Melayu mulai berminat semula terhadap aktiviti perniagaan dengan lebih giat sama ada menubuhkan pekan sehari atau syarikat kerjasama. Kesedaran tentang kepentingan bersatu dan bekerjasama dalam perniagaan demi menyaingi perniagaan orang-orang Cina ini mula timbul apabila orang-orang Melayu sedar bahawa diri mereka jauh ketinggalan di belakang bangsa asing.

Kini, aktiviti perniagaan dan peruncitan di Bandar Jasin kebanyakan dimonopoli oleh kaum Cina dan India. Kaum Melayu kebiasaannya hanya menjalankan perniagaan kedai makan atau restoran. Kaum India yang berasal dari Gujarat kebanyakannya menjual perabot. Perniagaan ini dijalankan turun-temurun daripada satu generasi ke generasi yang lain.



Kedai perabot dan karpet di Bandar Jasin



Sektor perkhidmatan dan perhotelan



Kepelbagaian aktiviti perniagaan, di Jasin

Perindustrian

Kemajuan Daerah Jasin yang dibangunkan secara terancang oleh kerajaan negeri telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk, merangkumi kepelbagaian sektor berbanding dahulunya yang lebih tertumpu kepada pertanian, penternakan, perniagaan dan sektor awam.

Walau bagaimanapun, atas faktor kawasan untuk tujuan pembangunan yang terhad, perindustrian terancang di Daerah Jasin hanya tertumpu di Mukim Merlimau dan Jasin. Mukim Merlimau mempunyai satu tapak perindustrian terancang, iaitu Kawasan Industri Merlimau I, II dan III yang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Manakala, di Mukim Jasin pula, pihak swasta telah membangunkan sebuah tapak perindustrian yang dikenali sebagai Jasin Industrial Park.

Melaka Halal Hub merupakan pusat industri halal pertama di Malaysia. Pusat ini berperanan sebagai pusat halal logistik, penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk halal, pusat pembungkusan dan label halal. Pembinaan kawasan ini secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sebagai mengerakkan industri serta urus niaga halal.

Halal Hub Melaka, Serkam



XINYI GLASS HOLDINGS LIMITED
Stock Code: 00868

Pelabur asing, Xinyi Glass Holdings menerusi dua anak syarikatnya, Xinyi Energy Smart (M) Sdn Bhd dan Xinyi Solar (M) Sdn Bhd membina kilang kaca terbesar di rantau ini di Elkay Industrial Park, Lipat Kajang, Jasin.



CARTE POSTALE

04

M. Jasinville
M. Jasinville
M. Jasinville
M. Jasinville

P E T E M P A T A N
JASIN



Petempatan Awal


Sejarah membuktikan bahawa petempatan awal masyarakat Melayu tradisional tertumpu di sekitar pantai atau di tepi sungai. Hal ini demikian kerana sungai memainkan peranan yang penting dalam membekalkan makanan dan minuman serta dijadikan sebagai jalan perhubungan antara satu tempat ke satu tempat yang lain.

Berdasarkan sejarah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, hanya perkampungan di sekitar Gapam, Bemban sahaja yang dicatatkan dalam dokumen lama sebagai satu-satunya kampung yang terletak dalam Daerah Jasin. Menurut penduduk sekitar kawasan ini, terdapat satu kawasan perkuburan lama dengan batu nisan tinggi yang terletak di seberang sungai Hulu Duyung. Walau bagaimanapun, kewujudan kawasan perkuburan ini tidak diketahui oleh orang ramai.

Tidak dinafikan bahawa Jasin merupakan sebuah kawasan tua kerana mempunyai banyak makam dan kubur lama yang belum dapat dikenal pasti sejarah dan latar belakangnya. Penemuan-penemuan kubur-kubur lama dengan pelbagai jenis nisan di beberapa kawasan di daerah Jasin ini merupakan bukti awal kemungkinan wujudnya kerajaan atau tamadun lama di sini.



Makam Nisan Aceh di Kampung Air Baruk yang dianggarkan wujud pada tahun 1500 AD berdasarkan reka bentuknya dengan merujuk tipologi batu Aceh.



Sumber : <https://www.researchgate.net/figure/Current-batu-Aceh-typology-from-Othman-Mohd-Yatim-Figure-4-1988>



Penemuan batu nisan belimbing yang ditemui di kawasan perkuburan lama di Kampung Chohong baru-baru ini merupakan satu-satunya batu nisan seumpama itu di Nusantara. Hal ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa telah wujudnya petempatan awal di sini. Kajian awal juga mendapati sungai yang terletak berhampiran dengan kawasan perkuburan lama itu dipercayai digunakan untuk aktiviti perdagangan berdasarkan penemuan beberapa keping duit syiling lama. Selain itu, pelbagai artifak dipercayai daripada petempatan manusia antara abad ke-14 dan ke-19 ditemui di kawasan ini.



Sumber : Mohd. Halim bin Nordin



Kubur menggunakan batu laterit berbentuk belimbing sebagai nisan yang dianggarkan berusia ratusan tahun ditemui di Kampung Chohong, Jasin.




Kampung Chinchin



Felda Kemendor


Felda Kemendor dibuka pada tahun 1956. Bermula daripada sebuah kawasan kem komando yang didiami oleh askar British dan Gurka yang di kelilingi hutan belantara, telah dibersihkan dan dijadikan petempatan. Nama Kemendor diambil daripada 'kem komando'.

Kampung Chohong dan Kampung Chinchin dikatakan antara kampung terawal wujud di daerah Jasin



Kampung Chohong

Kampung Chohong dipercayai merupakan antara kawasan petempatan terawal di Jasin. Berdasarkan sumber sejarah, Kampung Chohong bermula kira-kira tahun 1700-an. Pada masa tersebut berlakunya penghijrahan 40 keluarga dari Pagar Ruyung. Pada awal abad ke 19, berlaku perkembangan ekonomi yang pesat ketika itu apabila hasil usaha mereka dalam bidang pertanian dan hasil hutan dapat dipasarkan. Pada waktu itu, Melaka telah menjadi pusat perdagangan yang terkenal dan mempunyai pelabuhan bagi pedagang dari luar. Kapal-kapal dagang pada ketika itu singgah di Sungai Kesang untuk ke pelabuhan Melaka. Terdapat sebuah kapal pedagang yang selalu singgah di kawasan petempatan mereka. Kapal yang dinamakan 'Chu Hong' menjadi alat perhubungan dan pengangkutan untuk penduduk menghantar hasil pertanian mereka ke tempat perdagangan di Melaka. Setiap kali kapal dagang Chu Hong tiba di petempatan mereka, penduduk di situ akan berteriak "Kapal Chu Hong datang, Kapal Chu Hong datang." Dari situlah, nama 'Chu Hong' diambil untuk nama kampung mereka. Namun kini, ejaannya telah ditukarkan kepada Chohong.



Felda Tun Ghafar Bukit Senggeh merupakan antara skim petempatan terancang di Daerah Jasin



Taman Maju merupakan taman perumahan swasta terawal dibina di Jasin, iaitu sekitar tahun 1970-an.

Taman Bahagia merupakan rumah awam terawal dibina di Jasin, iaitu sekitar tahun 1960-an. Dahulu kawasan ini merupakan ladang getah.





MORFOLOGI
JASIN

Morfologi

Jasin adalah antara bandar lama yang telah wujud di Melaka, iaitu semasa perkembangan Kesultanan Melayu Melaka lagi, selain dipercayai sebagai bandar tertua di negeri Melaka. Berdasarkan catatan, bandar ini mula dibuka pada tahun 1918. Pada asalnya, semua bangunan yang didirinkan adalah daripada kayu beratapkan nipah.

Menurut sumber lisan, pada ketika itu, terdapat lebih daripada 1,000 buah rumah dan rumah kedai yang bermula dari Simpang Kerayong sehingga ke Pekan Jasin. Walau bagaimanapun, kejadian kebakaran pada 24 Julai 1923, kira-kira jam 1.30 pagi, telah memusnahkan segala-galanya. Dikatakan terdapat bukti lejar bayaran oleh British berjumlah \$ 1,044.40 kepada mangsa.



Daripada peristiwa tersebut, dapat dibuktikan bahawa awal tahun abad ke-19, Jasin merupakan kawasan pekan yang besar.

Selepas peristiwa tersebut, kedai-kedai di pekan ini telah dibina semula di antara tahun 1926 hingga 1929 dengan menggunakan struktur batu. Fakta ini adalah berdasarkan bukti pada ukiran tahun yang terdapat pada bangunan-bangunan tersebut.

Terdapat lebih daripada 1,000 buah rumah dan rumah kedai yang musnah dalam kebakaran di pekan Jasin tahun 1923.

Perkembangan Bandar

Bandar Jasin terbahagi kepada 3 bahagian mengikut fasa pembinaannya iaitu :

- Jasin 1** : Deretan rumah kedai dua tingkat binaan tahun 1920-an.
- Jasin 2** : Bangunan komersial yang dibina di kawasan bandar di Jambatan Dato' Senara yang menghubungkan bandar baru dengan bandar lama
- Jasin 3** : Bangunan perniagaan yang terletak selepas Jambatan Dato' Senara menghala ke arah Rim.



1970



Foto udara sekitar Pekan Jasin pada tahun 1970. Pada ketika itu, populasi penduduk Jasin adalah sebanyak 3,289 orang.
Sumber : Arkib Negara Malaysia

2018



JASIN

Jasin merupakan satu bandar yang sangat terancang dan lengkap dengan segala kemudahan sejak awal pembukaannya lagi. Secara fizikalnya, dapat dilihat kedai-kedai batu yang dibina semula bermula pada awal 1920-an. Kedai-kedai ini terletak di kiri dan kanan jalan membentuk jalan utama di bahagian tengahnya sehingga ke bulatan (roundabout) yang merupakan titik pertemuan pekan ini. Bulatan pertama di tengah-tengah pekan ini membentuk sistem persimpangan jalan raya yang sistematik bagi melancarkan aliran trafik serta menghubungkan Jasin dengan mukim atau daerah lain, iaitu Jasin—Simpang Bekoh/ Rim—Simpang Kerayong /Merlimau dan—Selandar.

Bulatan kedua yang terletak berhadapan dengan Muzium Pertanian Jasin pula menghubungkan Jasin dengan Bemban/Melaka (lebih kurang 30 kilometer)—Merlimau/ Chabau/ Tangkak.



Seperti pekan lama yang lain, kebaran jalan sedia ada hanyalah lebih kurang 40 hingga 50 kaki sesuai dengan penggunaan jenis pengangkutan ketika itu.



Sumber: Arkib Negara, Malaysia



Bangunan Pejabat UMNO bahagian Jasin yang telah diubah suai ketinggiannya daripada bangunan asal.

Sumber: Suara Melaka 1983

Seperti pekan lama di daerah lain, setiap unit kedai ini mempunyai dwifungsi, iaitu ruang perniagaan di tingkat bawah dan juga tempat tinggal di tingkat atas.



Hampir kesemua bangunan rumah kedai ini telah diubah elemen fizikal, iaitu bangunan yang dibina daripada kayu beratap nipah kepada bangunan konkrit. Walau bagaimanapun, kebanyakan rumah kedai konkrit ini masih terpelihara dan kekal hingga ke hari ini.

1977



Sumber : Arkib Negara Malaysia

1977



Sumber : Arkib Negara Malaysia

2018



2018






Kamala Theatre yang dibina pada tahun 1939 merupakan satu-satunya bangunan panggung wayang di Jasin yang pastinya meninggalkan pelbagai kenangan manis kepada penggemar wayang pada ketika itu.

Walaupun tidak secanggih masa kini, namun sudah cukup untuk membuatkan ibu bapa, kanak-kanak, tidak mengira batas umur dan bangsa, duduk bersama-sama untuk menonton cerita pilihan mereka.



Kamala Theatre




Susun Atur dan Aktiviti Perniagaan di Bandar Jasin



Susun Atur dan Aktiviti Perniagaan di Bandar Jasin



Susun Atur dan Aktiviti Perniagaan di Bandar Jasin



Perkembangan Pembangunan Bandar Jasin



- 1 Stesen Minyak**
Tapak Menara Jam ini dahulunya merupakan stesen minyak Shell.
- 2 Kedai Cold Storage**
Kedai ini dahulunya merupakan kedai Cold Storage yang menjadi pembekal makanan sejuk beku dan segar sama ada produk tempatan atau yang diimport dari negara luar. Cold Storage mula beroperasi di Malaysia pada tahun 1963.
- 3 Pasar Jasin**
Merupakan tapak Pasar Jasin lama sebelum ditempatkan di lokasi terkini (berdekatan Pasar raya Jasin)
- 4 Panggung Wayang Cina**
Salah satu tapak lokasi panggung wayang cina terbuka, selain satu tapak lagi berdekatan dengan kuarters JKR.
- 5 Arked Mara**
Bangunan Arked Mara ini dahulunya merupakan kedai minum milik orang Cina yang juga dikunjungi oleh pelbagai kaum .
- 6 Sekolah Kebangsaan Jasin**
Deretan kedai ini merupakan tapak awal Sekolah Kebangsaan Jasin yang dipercayai dibina pada tahun 1860. Seterusnya berpindah ke belakang Hospital Jasin (terdapat bangunan lama dalam Hospital Jasin) . Sekolah Kebangsaan Jasin berhampiran Pejabat JKR Jasin merupakan tapak ketiga yang kekal sehingga kini.



Sumber : Arkib Negara Malaysia

1

Kilang Padi

Kawasan ini merupakan bekas tapak kilang padi. Pesawah menghantar hasil tuaian masing-masing ke sini untuk diproses. Padi yang baru dituai akan ditimbang dan seterusnya mutu padi akan dikenal pasti berdasarkan kandungan padi muda di samping kotoran seperti jerami dan sekam.

2

Sawah Padi

Keseluruhan kawasan ini dahulunya merupakan sawah padi yang digunakan untuk skim 'Test Plot Padi' oleh Inggeris. Dalam skim ini, pihak Inggeris akan memberi bantuan kerbau, bajak, sikat, benih padi dan baja. Hasil tuaian akan dibahagi dua antara pesawah Melayu dan pihak Inggeris. Syarikat yang mengendalikan skim ini dikenali sebagai 'Sawah Company'.

3

Balai Raya / Dewan

Kawasan ini dahulunya merupakan tapak balai raya atau dewan terbuka untuk kegunaan orang ramai. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan dijalankan di sini. Kini, kawasan ini dijadikan tempat letak kereta.

4

Masjid Air Barok

Dibina pada tahun 1917 dan pada ketika itu merupakan masjid utama kepada penduduk sekitar pekan Jasin. Bermula pada tahun 1969, masjid ini tidak lagi digunakan sepenuhnya apabila telah terdapat sebuah masjid yang baharu bersebelahan dengan Taman Muhibbah.

5

Kuarters JKR

Kuarters JKR Jasin dengan rekabentuk bangunan zaman Inggeris yang masih kekal sehingga kini.



Sumber : Arkib Negara Malaysia

Perkembangan Pembangunan Bandar Jasin



1

Taman Muhibbah

Taman Muhibbah merupakan kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan di Jasin pada suatu masa dahulu terutamanya untuk program kemasyarakatan, riadah dan beristirahat pada waktu petang atau hujung minggu.

Kawasan Masjid Jamek Jasin ini juga dahulunya merupakan sebahagian daripada Taman Muhibbah.

2

Padang Golf Jasin

Pusat Latihan Golf Warisan Jasin ini telah dibina sejak 1926. Sebelum itu dikenali sebagai Kelab Golf Jasin. Padang ini ditubuhkan oleh orang British yang bekerja menjaga ladang-ladang getah yang dimiliki Syarikat India Timur (East India Company).

3

Jasin 3

Keseluruhan Jasin 3 ini dahulunya merupakan kawasan sawah padi. Kini, telah dibangunkan dengan beberapa deretan lot perniagaan yang menyediakan perkhidmatan perbankan, peruncitan, kedai 24 jam dan restoran makanan segera.

4

Jasin Sentral

Stesen/perhentian bas dan teksi Jasin asalnya terletak di bangunan Maybank, kemudiannya berpindah berhampiran Pasar raya Jasin (Jasin Shopping Centre) sebelum berada di lokasi terkini.

5

Jasin Waterfront

Medan Selera Jasin Waterfront ini dahulunya merupakan tapak kedai hardware/ kedai papan.

6

Stesen Minyak

Bangunan AVON ini dahulunya merupakan stesen minyak Shell selain sebuah lagi stesen bersebelahan dengan Jambatan Dato' Senara, iaitu di Menara Jam.



Sumber: Mohd Halim bin Noordin

Perkembangan Pembangunan Bandar Jasin

Bandar Jasin Bestari

Bandar baharu iaitu Bandar Jasin Bestari di Ayer Merbau dibina bagi memastikan pembangunan di Jasin lebih ber sistematik. Bandar yang dibangunkan melalui agensi kerajaan negeri, Perbadanan Tanah Adat Melaka (PERTAM) ini merupakan pembangunan yang cukup berpotensi untuk penduduk sekitar Jasin apabila terdapat kawasan perumahan, perniagaan dan fasiliti yang mencukupi.

Pembangunan Jasin Bestari dalam kawasan berkenaan sebagai pusat bandar baharu yang menjadikannya kawasan tumpuan orang ramai kedua dalam Daerah Jasin.



Pembangunan bercampur di Bandar Jasin Bestari

1960-an



1960-an



2018



2018



An aerial photograph of a modern multi-lane highway interchange. The road curves through a lush green landscape with dense forests and palm trees. The sky is overcast. The text 'INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN' is overlaid in white, uppercase letters above the word 'JASIN', which is in a much larger, bold, white, uppercase font.

INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN

JASIN

JASIN

Infrastruktur

Infrastruktur dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan British seperti jalan raya, kemudahan kesihatan, balai polis dan perhubungan (pos) hanya tertumpu di kawasan yang mempunyai jaminan perkembangan ekonomi. Hal ini kerana pembinaan jalan raya pada awalnya hanya dibina di lombong bijih timah dan kawasan ladang getah.

Namun begitu, jalan raya yang dibina di kawasan yang mempunyai potensi dari segi ekonomi, telah berkembang di kawasan pedalaman. Perkembangan ini berlaku apabila terbinanya lorong-lorong yang akhirnya menjadi sistem jalan raya yang lebih sempurna.



Kelab Jasin merupakan bangunan pertama yang menyediakan bekalan elektrik. Kemudian selepas itu, pekan Jasin telah menggunakan kakilampunya.

Sumber : Arkib Negara Malaysia

Tahun sebenar penyediaan infrastruktur asas di Daerah Jasin masih tidak dapat dikenalpasti, namun, berdasarkan penemuan struktur sump dan pillar yang masing-masing tercatat tahun pembinaannya, iaitu pada tahun 1924 dan 1926 di tepi jalan kampung yang agak jauh dari pekan Jasin mahupun bandar Melaka. Hal ini membuktikan bahawa pada tahun 1924 lagi, Daerah Jasin telah mempunyai suatu sistem perparitan yang teratur dan sempurna.



Sumber : Mhd. Illim bin Hassan

Jabatan Kerja Raya Daerah Jasin, 2018



Jabatan Kerja Raya Daerah Jasin



Sumber : Arkib Negara Malaysia

JASIN

Syarikat Air Melaka Berhad Daerah Jasin, 2018



Pejabat Kerja Air Jasin



Sumber : Arkib Negara

Pembinaan jalan raya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)



Sumber : Arkib Negara

Kerja-kerja pemasangan paip air di kawasan luar bandar.



Sumber : Arkib Negara Malaysia

Sistem Perhubungan

Pengangkutan Air

Mengikut catatan sejarah, sistem perhubungan melalui sungai telah digunakan oleh penduduk di Daerah Jasin, terutamanya bagi tujuan mengeksport hasil-hasil perlombongan dan pertanian. Misalnya hasil bijih timah di Mukim Kesang telah dijual ke Bandar Melaka melalui Sungai Duyong dengan menggunakan sampan. Manakala penduduk di Jasin Pantai, mereka menjual hasil-hasil tanaman ke Bandar Melaka melalui jalan laut. Hal ini menggambarkan betapa pentingnya perhubungan air bagi penduduk kampung ketika itu.

Sebelum terdapat perhubungan jalan raya, Jasin Barat dan Jasin Pantai telah dihubungkan melalui Sungai Kesang. Kemudiannya perhubungan melalui Jalan Darat telah dibina pada tahun 1886 walaupun hanya berupa lorong-lorong.

Perhubungan Darat

Perkembangan jalan raya berlaku peringkat demi peringkat. Pada mulanya hanya berupa lorong-lorong kecil yang boleh dilalui oleh kereta lembu sahaja. Kemudiannya apabila lorong-lorong ini diperbaiki, maka telah dapat membentuk satu sistem perhubungan yang lebih sempurna.

Kebanyakan jalan raya dibina di kawasan yang mempunyai potensi ekonomi seperti di kawasan ladang getah, ubi kayu dan di kawasan perlombongan. Pembinaan jalan raya dari Merlimau ke Jasin disebabkan kawasan ini berhampiran dengan kawasan ladang getah yang luas di Daerah Jasin. Begitu juga jalan raya yang dibina di Asahan dan Simpang Bekah.

Walaupun kemudahan perhubungan ini dibina untuk kemudahan penduduk, tetapi dilihat bertujuan untuk kepentingan British bagi memasarkan hasil-hasil ladang. Keadaan ini dapat dibuktikan kerana tiada pembinaan jalan raya di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai hasil atau sumber ekonomi.

Sebelum kenderaan moden diperkenalkan, kereta lembu merupakan alat pengangkutan yang paling popular dalam kalangan masyarakat Melayu Melaka, khususnya di Daerah Jasin. Pada tahun 1850-an terdapat jalan kereta lembu yang dibina di kawasan luar bandar seperti di Merlimau dan Jasin.

Penggunaan kereta lembu bertambah pesat menjelang abad ke-20, selaras dengan perkembangan jalan raya. Kereta lembu telah digunakan sebagai kereta sewa bagi kegunaan penduduk tempatan untuk berulang alik dari Daerah Jasin ke Bandar Melaka bagi tujuan memasarkan hasil-hasil pertanian.



Kereta lembu yang masih lagi digunakan di Nyalas pada tahun 1970

Sumber: Philip Stevens



Laluan empat (4) lorong di Lebuhraya AMJ

Perhubungan jaringan jalan raya mula dibina setelah ditubuhkan JKR pada tahun 1867 yang diketuai oleh Superintendent of Works yang berkhidmat sebagai Municipal Engineer. Di Daerah Jasin pembinaan jalan raya dikendalikan oleh Rural Board Jasin yang mendapat arahan dari Public Work Department Melaka. Secara keseluruhannya, kebanyakan jalan raya di Daerah Jasin telah dibina pada tahun 1888.

Jalan raya berturap kemudiannya telah diperkenalkan pada tahun 1925. Batu-batu putih diambil dari kuari di Batu Gajah untuk pembinaan jalan raya dari Merlimau ke Sungai Rambai. Jalanraya dari Kandang ke Jasin telah siap dibina pada tahun 1930-an.

Pembangunan seimbang yang dikecapi penduduk di negeri Melaka amnya dan Daerah Jasin khasnya dapat dilihat memberi nafas baharu kepada pertumbuhan ekonomi dari aspek ekonomi, pendidikan dan pelancongan sejak Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) dibuka pada Jun 2007. Dalam konteks Daerah Jasin, laluan empat (4) lorong sepanjang 70 kilometer ternyata melancarkan lagi perjalanan dari Simpang Empat di Alor Gajah hingga ke Muar, Johor.

Jasin boleh dihubungi melalui Lebuh Raya Utara-Selatan di persimpangan Tol Lipat Kajang atau lebih dikenali sebagai Tol Jasin (14 kilometer dari Bandar Jasin dan 18 kilometer dari Bandar Merlimau). Persimpangan bertingkat ini merupakan persimpangan atau exit terakhir dalam negeri Melaka sebelum melepasi sempadan negeri Johor Darul Takzim. Jasin juga boleh dihubungkan melalui Lebuh Raya tersebut melalui susur keluar Tol Ayer Keroh (20km dari Bandar Jasin) atau Tol Tangkak (18 kilometer dari Pekan Jasin).

Pembukaan plaza tol ini dapat dilihat membantu mentransformasikan kawasan itu ke arah yang lebih positif. Plaza tol ini bukan sahaja memudahkan dan mengurangkan kesesakan di Ayer Keroh, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kawasan sekitar dengan penyediaan infrastruktur dan logistik yang baik seperti pembinaan kilang oleh pelabur asing.



Plaza tol Jasin (Lipat Kajang), Melaka di Persimpangan Bertingkat Jasin

Jasin Sentral (Terminal Bas dan Teksi)

Bas di perhentian ini menghubungkan Jasin ke Tangkak dan Bandaraya Melaka selain pekan-pekan kecil yang lain di Jasin. Selain itu, terdapat beberapa bas ekspres yang melalui Bandar Jasin sebelum meneruskan perjalanan ke pantai timur dari Bandaraya Melaka.



Wajah baharu Terminal Bas dan Teksi Jasin Sentral setelah dinaik taraf.



Atas faktor penggunaan kenderaan yang semakin pesat, pada tahun 1925 telah dibina kawasan perhentian kereta di pekan Jasin.

Pada tahun 1930-an pula, telah wujud sistem pengangkutan bas yang dinamakan Malacca Omnibus Services. Syarikat ini memberikan perkhidmatan pengangkutan bas dari Pekan Jasin ke Bandar Melaka, manakala di Jasin Pantai, perkhidmatan bermula dari Sungai Rambai ke Bandar Melaka.

Stesen Keretapi Batang Melaka

Selain itu, Jasin juga boleh dihubungi melalui keretapi menerusi Stesen Keretapi Batang Melaka yang baharu dan moden. Stesen ini menggantikan stesen lama KTM dan telah dipindahkan lokasinya ke Negeri Melaka melalui program landasan berkembar elektrik. Pembangunan ini memberi kemudahan kepada penduduk di bandar Jasin dan sekitarnya untuk ke Kuala Lumpur dengan tren komuter atau ETS.



Stesen landasan berkembar elektrik ini dilengkapi dengan kemudahan yang selesa kepada pengguna.



Bangunan stesen keretapi lama Batang Melaka yang masih kukuh merupakan keunikan hubungan sempadan antara negeri di Malaysia. Kedudukannya yang terletak di titik sempadan menjadikan penduduk di negeri Melaka dan Negeri Sembilan berkongsi rasa dan kenangan yang sama terhadap stesen keretapi ini.



Pandangan stesen keretapi lama Batang Melaka ini dapat dilihat kerana terletak agak tinggi dari jalan utama pekan.

Papan tanda lama ini tetap berdiri kukuh sebagai bukti kewujudan sebuah stesen keretapi yang berjasa kepada penduduk Jasin




Empangan Asahan

Selain Empangan Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka juga mempunyai 2 lagi empangan di Daerah Jasin yang membekalkan sumber air bersih kepada seluruh penduduk Melaka.



Empangan Jus



Bagi mengelakkan sebarang pencemaran bekalan air kepada penduduk setempat, Kerajaan Negeri Melaka menggesa semua aktiviti pertanian di kawasan empangan dan tadahan air di sekitar negeri ini dihentikan segera. Larangan untuk segala aktiviti pertanian di kawasan berkenaan, terutama di Empangan Jus telah diwartakan pada tahun 2010.

Kemudahan Masyarakat



Hospital Daerah Jasin.

Hospital

Hospital Daerah Jasin telah memulakan perkhidmatannya pada 9 Jun 1890, iaitu serentak dengan perpindahan Pejabat Daerah ke Mukim Jasin. Pada mulanya hanya seorang pembantu hospital sahaja yang berkhidmat di sini.

Pada tahun 1920, Kerajaan British telah memperbesarkan bangunan Hospital Jasin dengan perbelanjaan sebanyak \$50,000. Pada tahun yang sama lima orang pembantu hospital dan 15 orang jururawat telah ditempatkan di hospital ini.

Selain mendirikan rumah sakit, Kerajaan British juga telah memberikan rawatan kesihatan kepada buruh di ladang-ladang getah tertakluk kepada arahan daripada Pejabat Kesihatan Melaka. Keadaan ini berlaku berikutan daripada laporan yang didapati bahawa seramai 797 pesakit yang bekerja di ladang Diamond Jubilee telah dimasukkan ke hospital. Dari jumlah tersebut, seramai 29 orang telah meninggal dunia dan kebanyakannya disebabkan menghidap demam malaria.

Di Ladang Devon pula terdapat seramai 522 orang buruh yang telah diserang wabak malaria dan 11 orang telah meninggal dunia. Di Ladang Getah Merlimau pula terdapat seramai 1,031 orang buruh telah menghidap demam malaria. Daripada jumlah itu, seramai 97 orang telah dihantar ke Hospital Melaka dan 18 orang daripadanya telah meninggal dunia. Bagi mengatasi masalah ini, Pejabat Kesihatan Negeri Melaka telah menghantar beberapa orang doktor ke Daerah Jasin bagi mencegah wabak malaria ini daripada merebak. Penyakit malaria ialah penyakit yang sering dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekitar Daerah Jasin.

Keseluruhannya, didapati Kerajaan British cuba memperbaiki keadaan kesihatan penduduk di Daerah Jasin. Rumah sakit didirikan setelah terdapat perkembangan dalam bidang ekonomi. Hal ini kerana Kerajaan British ingin memberikan perkhidmatan yang lebih baik dengan tujuan melahirkan tenaga buruh yang sihat supaya dapat menghasilkan keluaran tanaman yang maksimum.



Sumber : Arkib Negara Malaysia

Balai Polis

Kerajaan British telah menubuhkan pasukan polis bagi tujuan mengawasi dan menjamin kestabilan politik dan ekonomi. British juga telah menubuhkan pasukan polis di kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi seperti di kawasan perlombongan dengan tujuan menjaga ketenteraman dan juga untuk kemudahan pungutan cukai.

Selaras dengan perkembangan dalam bidang ekonomi, Kerajaan British telah menubuhkan lebih banyak balai polis di kebanyakan mukim dalam Daerah Jasin pada tahun 1886. Balai polis dibina di Mukim Sungai Rambai, Merlimau, Umbai, Kesang, Chinchin dan Nyalas.



Balai Polis Bemban

Sumber: Arkib Negara Malaysia



Balai Polis Nyalas

Sumber: Arkib Negara Malaysia



Balai Polis Sungai Rambai

Sumber: <https://www.wm.gov.au/collection/C1025799>



Bangunan Balai Polis (lama) Jasin dibina sebelum Perang Dunia Kedua.



Ibu Pejabat Polis Daerah Jasin yang telah dibina di lokasi baharu.

Pihak polis juga dibantu oleh Penghulu dan Sidang yang juga bertugas untuk menjaga keselamatan anak-anak buahnya. Sebelum dibina Balai Polis Jasin, setiap kes dilaporkan di Balai Polis Merlimau yang dahulunya merupakan pusat pentadbiran bagi Daerah Selatan Melaka.

Peristiwa pergaduhan antara orang Melayu dengan pelombong Cina di Kesang menyebabkan keanggotaan pasukan polis ditambah dengan dibantu oleh askar-askar British bagi mengawal keselamatan pelombong.

Pembinaan Balai Polis Jasin mula dirancang pada tahun 1888 dan telah dirasmikan perkhidmatannya pada tahun 1891. Bagi kes-kes jenayah, perbicaraan akan dibicarakan di dalam mahkamah. Pada tahun 1890, bangunan mahkamah telah siap dibina di Merlimau, Jasin, Kesang dan Nyalas. Penubuhan Balai Polis Jasin memberi impak yang positif dalam menjaga keselamatan dan keamanan penduduk di Daerah Jasin.



Ibu Pejabat Polis Daerah Jasin yang dibina pada tahun 1976

Sumber: Arkib Negara Malaysia



Pondok Polis Chabau

Pondok Polis Chabau yang terletak di antara selekoh Jalan Chabau ke Chohong mempunyai sejarah dan keunikan struktur bangunan lama. Walaupun kesemua bangunan di dalam kawasan tersebut yang berusia lebih 100 tahun dan diperbuat daripada kayu, namun masih tidak mengalami sebarang kerosakan termasuk dimakan anai-anai.

PONDOK POLIS
CHABAU



Pondok polis yang dibina pada tahun 1910 walaupun tidak lagi digunakan untuk sebarang urusan, tetapi masih kakah berdiri.



Uniknya pondok polis lama ini memiliki lokap yang jerijinya diperbuat daripada kayu dan terdapat pasong di dalamnya. Kunci mangga lokap lama dilihat masih terlekat di pintu lokap.



Bangunan lama ini menempatkan sebuah pondok polis dengan satu lokap, satu ruang pejabat, tempat menunggu, dua tandas terletak di luar pondok dan kuarters kakitangan yang mempunyai empat (4) pintu.



Tarikh sebenar penubuhan Pejabat Pos di Jasin tidak dapat diketahui dengan tepat. Walau bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa bangunan ini ditubuhkan selepas tahun 1900. Ini kerana pada tahun 1929, terdapat permintaan untuk membuat kuarters bagi kerani yang bekerja di Pejabat Pos Jasin. Hal ini membuktikan bahawa Pejabat Pos Jasin telah ditubuhkan lebih awal daripada tarikh diatas.



Sumber : Arkib Negara Malaysia



Bangunan ini pada asalnya merupakan Pejabat Pos.

Pejabat Pos



Pejabat Pos Jasin

Kemudahan perhubungan melalui telefon pula telah bermula sejak daripada penubuhan pusat pentadbiran bagi Daerah Melaka Selatan pada tahun 1887. Penggunaannya terhad di Pejabat Daerah dalam membuat urusan pentadbiran dengan Resident Councillor Melaka.



Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)

Pembukaan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Sungai Rambai bukan sahaja untuk penduduk Jasin malah penduduk di Johor, terutamanya dari kawasan Muar, Sungai Mati, Ledang dan Tangkak untuk mendapatkan perkhidmatan atau berurusan dengan agensi dan jabatan kerajaan dengan lebih mudah.



Pembangunan Kompleks Kota Al-Hasanah juga menempatkan Masjid Al-Hasanah dan Mahkamah Syariah



Keagamaan



Masjid Tun Gaffar, Jasin

Pembangunan yang seimbang di Daerah Jasin ini turut menyediakan kemudahan beribadat untuk kegunaan masyarakat berbilang bangsa dan agama dengan pembinaan masjid serta surau, selain tokong Cina dan kuil serta gereja.



Masjid Kampung Seikam.

Di sekitar masjid inilah berlakunya pertentangan antara penduduk tempatan dengan pihak Inggeris.

Sumber: Arkib Negara Malaysia



Masjid Jamek Jasin



Gereja Methodist Merlimau



Jasin Chinese Methodist Church

Balai Raya



Salah satu balai raya baharu yang dibina di mukim Selandar
Sumber: Arkib Negara Malaysia



Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Jasin sedang menemuui ahli-ahli Lembaga Kemajuan Kampung Serkam.

Sumber: Arkib Negara Malaysia



Gambar ahli Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Jasin bergambar di Balai Raya Kampung Serkam.

Sumber: Arkib Negara Malaysia



Balai raya Serkam

Pendidikan



SEKOLAHSEKOLAH DI DAERAH JASIN

Kemudahan pendidikan merupakan salah satu aspek penting yang mempengaruhi perkembangan sesuatu pekan atau bandar. Begitu juga di Daerah Jasin. Sekolah-sekolah Melayu di Daerah Jasin telah di bina dalam tahun 1860. Seterusnya, pembinaan sekolah Tamil yang pertama telah dibina pada tahun 1928. Hal ini demikian kerana, terdapat ladang-ladang getah yang luas dan tenaga buruhnya terdiri daripada orang-orang India. Selain itu, sekolah Inggeris yang pertama telah didirikan pada tahun 1953.

Sejarah membuktikan, bahawa sekolah-sekolah Melayu, Inggeris dan Tamil di Jasin dinamakan dengan nama-nama tempat apabila sekolah tersebut dibina. Tetapi akhir-akhir ini sekolah-sekolah menengah Melayu yang dibina telah memakai nama-nama pembesar seperti Tun Perak, Iskandar Syah dan Dang Anum.

Perkembangan pembukaan sekolah di Daerah Jasin sehingga tahun 1970-an adalah seperti berikut:

Jenis sekolah	Sebelum Perang	Hingga Tahun 1957	Hingga Tahun 1972
Sekolah Menengah Inggeris & Kebangsaan	-	-	6
Sekolah Rendah Kebangsaan	22	31	34
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris)	-	1	4
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)	11	11	19
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)	3	7	8

Sekolah rendah kebangsaan pertama dan tertua di Daerah Jasin diasaskan pada tahun 1860 iaitu Sekolah Kebangsaan Jasin. Sekolah ini terletak kira-kira satu (1) batu dari Pekan Jasin, iaitu di tepi jalan menuju ke Tangkak. Namun begitu, pada tahun 1936 bangunan tersebut tidak digunakan lagi oleh kerana keadaan struktur bangunan yang teruk dan usang. Untuk menggantikan sekolah yang lama, Sekolah Kebangsaan Jasin telah berpindah ke bangunan yang baik, iaitu bekas bangunan Hospital Jasin sehingga tahun 1960. Kemudiannya, sekolah ini telah ditempatkan secara kekal berhampiran dengan pejabat lama Majlis Perbandaran Jasin sehingga kini.



Sekolah Kebangsaan

Permulaan Hingga Tahun 1941		Semasa Pemerintahan Jepun (1942-1945)	
Tahun	Sekolah	Tahun	Sekolah
1860	Sek. Keb. Jasin	1943	Sek. Keb. Masjid Baru
1871	Sek. Keb. Nyalas	1943	Sek. Keb. Chenderah
1880	Sek. Keb. Merlimau	Sebelum Kemerdekaan (1946-1957)	
1880	Sek. Keb. Tedung		
1880	Sek. Keb. Kesang Tua	Tahun	Sekolah
1883	Sek. Keb. Bukit Senggeh	1946	Sek. Keb. Pulai
1887	Sek. Keb. Batang Melaka	1948	Sek. Keb. Asahan
1888	Sek. Keb. Sempang	1949	Sek. Keb. Chohong
1889	Sek. Keb. Serkam	1949	Sek. Keb. Bkt.Tembakau
1890	Sek. Keb. Chinchin	1949	Sek. Keb. Terentang
1890	Sek. Keb. Pernu	1952	Sek. Keb. Parit Gantung
1301	Sek. Keb. Sebatu	1953	Sek. Keb. Lanchang
1909	Sek. Keb. Umbai	Selepas Kemerdekaan (1957-1972)	
1917	Sek. Keb. Sungai Rambai		
1918	Sek. Keb. Chabau	Tahun	Sekolah
1920	Sek. Keb. Alai	1957	Sek. Keb. Parit Penghulu
1920	Sek. Keb. Jus	1959	Sek. Keb. Sri mendapat
1921	Sek. Keb. Selandar	1960	Sek. Keb. Kemendor
1924	Sek. Keb. Ayer Panas		
1930	Sek. Keb. Batu Gajah		
1931	Sek. Keb. Tehel		
1934	Sek. Keb. Teluk Mas		

Sekolah Cina

Tahun	Sekolah
1932	SRJK (C) Kuang Hwa
1928	SRJK (C) Yu Hsein
1930	SRJK (C) Chung Hwa
1930	SRJK (C) Kiow Nam
1938	SRJK (C) Pay Min
1952	SRJK (C) Merlimau
1940	SRJK (C) Chio Chee
1967	SRJK (C) Jasin Lalang
1954	SRJK (C) Pay Chio
1949	SRJK (C) On Lok
1934	SRJK (C) Pay Yap
1940	SRJK (C) Pay chiuin
1951	SRJK (C) Parit Kelling
1928	SRJK (C) Pondok Batang
1928	SRJK (C) Bekoh
1954	SRJK (C) Chabau
1934	SRJK (C) Toon Hua
1935	SRJK (C) Shuh Yen
1961	SRJK (C) Pay Hsein

Sekolah Tamil

Tahun	Sekolah
1926	SRJK (T) Diamond Jubilee
1935	SRJK (T) Merlimau
1938	SRJK (T) Bukit Asahan
1946	SRJK (T) Air Panas
1946	SRJK (T) Serkam
1947	SRJK (T) Jasin
1947	SRJK (T) Bukit Kajang
1961	SRJK (T) Jasin Lalang



Lawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar, YAB Tun Abdul Razak bin Hussien ke Sekolah Melayu Jasin pada 2.2.1961. Foto menunjukkan YAB sedang melihat cara penyusunan meja yang diajar di sekolah tersebut.



Sekolah Menengah Tun Perak

Sumber: Arkib Negara Malaysia

Sekolah Kebangsaan Air Barok ini dahulunya merupakan sekolah Inggeris yang pertama di Jasin yang juga dikenali sebagai Jasin English School.



Sumber: <http://ayang05.tripod.com/jasin>

Komitmen dan kesungguhan kerajaan negeri dalam bidang pendidikan di kawasan ini dapat dilihat menerusi kewujudan beberapa buah institusi pengajian tinggi (IPT), iaitu Politeknik Merlimau, Universiti Teknologi Mara (UTM) Kampus Jasin, kolej komuniti dan sekolah, serta Institut Kemahiran.



Pembukaan politeknik ini dilihat memberi impak yang sangat besar kepada perkembangan Bandar Merlimau dengan wujudnya Bandar Baru Merlimau Utara yang lengkap dengan kemudahan bagi memenuhi permintaan dan keperluan pelajar.



S O S I A L I S A S I

JASIN



Sosialisasi

Mengikut statistik tahun 2015, jumlah penduduk di Daerah Jasin adalah seramai 140,000 orang. Penduduk Melayu menunjukkan dominasi dalam Daerah Jasin, iaitu Melayu dan Bumiputera seramai 101,900 orang, diikuti oleh Cina seramai 16,800 orang, India seramai 15,000 orang, lain-lain seramai 500 orang dan Bukan Warganegara seramai 5,800 orang.

Walaupun masyarakat Melayu mendominasi angka penduduk di Daerah Jasin, namun begitu faktor ini bukannya kekangan bagi mereka membentuk perpaduan dan pemuafakatan dalam kehidupan harian mereka.

Pelbagai adat etnik dan tradisi diadun sempurna yang menjadikan Daerah Jasin sebagai salah satu daerah yang mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan ini terbukti dengan terbentuknya kehidupan masyarakat yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India, dan tidak lupa juga masyarakat minoriti, iaitu 'Orang Asli'. Walaupun mereka terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza dan memegang teguh tradisi kaum masing-masing, namun mereka masih hidup dengan bersatu padu, aman dan sejahtera. Perkara ini dapat dilihat dengan penerimaan sesama sendiri budaya dan adat resam mereka, iaitu dari segi pemakaian, sambutan perayaan, makanan, seni bina dan juga kraftangan.

Adunan pelbagai budaya sama ada dari dalam mahupun luar negara yang diserap daripada pedagang dan penjajah yang datang silih berganti telah membentuk sebuah perbandaran dengan persekitaran fizikal dan budayanya yang unik.

Komuniti Melayu



Majlis Khatam beramai-ramai semasa musim cuti sekolah



Majlis perkahwinan kaum Melayu yang masih mengekalkan pakakan tradisi Melayu.



Silat sebagai seni pertahanan diri Melayu yang masih diminati oleh golongan muda...



Aktiviti kerohanian dan kemasyarakatan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara satu sama lain





Sumber: Philip Stevens



Sumber: Philip Stevens

Adat Perpatih sememangnya sinonim dengan adat yang diamalkan di Negeri Sembilan manakala adat Temenggung diamalkan di negeri-negeri lain seperti negeri Melaka. Terdapat fakta yang menyatakan Adat Perpatih juga diamalkan di kawasan Nanning yang diamalkan meliputi 25 mukim seperti Ramuan China Besar, Ramuan China Kecil, Kuala Sungai Baru Ulu, Masjid Tanah, Sungai Siput, Brisu, Pulau Sebang, Tanjung Rimau, Padang Sebang, Gadek, Melaka Pindah, Rembia, Ayer Pa'abas, Lendu, Sungai Buluh, Melekek, Tabuh Nanning, Pegoh, Kelemak, Sungai Petai, Kemuning, Tebong, Batang Melaka, Jus dan Nyalas. Mukim-mukim selain daripada yang tersebut dikatakan melaksanakan Adat Temenggung.



Adat Perpatih

Di Daerah Jasin, kebanyakan penduduk yang mengamalkan Adat Perpatih sememangnya sejak turun-temurun lagi. Bahkan mereka juga turut bertutur dalam loghat Negeri Sembilan. Umumnya, Adat Perpatih terdiri daripada beberapa suku sebagai terasnya. Contohnya, antara suku ialah Anak Melako, Tigo Batu Seniago, Biduanda, Mungka Bidaro, Mungka Komus, Mungka Segamat, Temonggong, Tigo Batu Lubok Kopong, dan Tiga Batu Bolang. Setiap suku pula diketuai oleh seorang buapak (singkatan daripada ibu bapak). Adat bersuku ini amat berguna, terutama untuk menjayakan majlis seperti kenduri-kendara. Selain itu, juga sebagai wadah untuk merapatkan hubungan silaturrahim dalam suku yang sama dan juga antara suku yang ada. Adat ini memang sesuai dengan bidalan orang tua-tua kita, bulat air kerana pembentung, bulat masyarakat kerana muafakat.



Gambarajah Luak Nanning, Melaka



Sumber: Philip Stevens

"Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" dan "Muafakat membawa berkat" merupakan pepatah yang sangat sinonim dengan masyarakat Melayu bagi melambangkan semangat kemuafakatan yang telah diamalkan sejak dahulu lagi.



Komuniti Cina

Masyarakat Cina dahulunya merupakan kaum terawal yang meneroka Bandar Jasin dan mereka merupakan sebahagian daripada pekerja lombong sekitar Kesang yang menetap di situ.



Majlis Sambutan Tahun Baru Cina peringkat Negeri Melaka yang diadakan di Taman Maju Jasin.



Sebahagian penduduk Cina dan India turut berarak membawa tanglung sempena sambutan Hari Muhibbah-Pesta Tanglung di Jasin.



Upacara gimik dengan memasukkan susu ke dalam periuk, sempena perasmian Sambutan Pesta Ponggal di Dataran Jasin.

Komuniti India

Kedatangan kaum ini dikatakan dari India Selatan dan pada awalnya mereka mendiami ladang-ladang getah dan estet-estet di kawasan pedalaman.

Antara ladang terawal yang diusahakan oleh masyarakat India di Daerah Jasin ialah Ladang Diamond Jubilee dan Ladang Merlimau. Walau bagaimanapun ada juga yang bekerja dalam sektor perniagaan dan peruncitan seperti barang kemas dan fabrik.



Dua (2) orang daripada Suku Temuan sedang mengetuk gong dan memukul gendang dalam majlis keramaian



Lelaki Suku Temuan

Wanita Suku Temuan

Komuniti Orang Asli

Masyarakat orang asli di Jasin dikatakan kebanyakan mereka daripada suku Temuan. Orang Asli Temuan adalah dari kumpulan Melayu Asli (Malay Proto). Mereka tinggal di Negeri Selangor, Melaka, Pahang, daerah Muar dan Negeri Sembilan.

Kaum Temuan dipimpin oleh seorang Batin yang dilantik kebiasaannya mengikut keturunan. Pelantikan Batin dibuat berdasarkan kepada ketokohan atau kebolehannya serta berpengetahuan luas berhubung adat istiadat.

Dari segi pekerjaan, kebanyakan mereka masih lagi meneroka hasil-hasil hutan, terlibat dalam aktiviti pertanian, berniaga dan segelintirnya bekerja dalam sektor swasta dan kerajaan.

Dari aspek keagamaan, kebanyakan mereka masih lagi menganut atau mengamalkan kepercayaan "animisme" ataupun tidak mempercayai Tuhan. Mereka lebih mempercayai objek alam seperti pokok, kubur, dan sebagainya. Namun begitu, terdapat juga segelintir daripada mereka beragama Islam dan mempercayai Allah Yang Esa.

Bahasa pertuturan dalam kalangan suku kaum Orang Asli adalah tidak sama. Adat istiadat perkahwinan dalam suku kaum ini juga terdapat sedikit perbezaan.

Dari segi keriaan dalam perayaan adalah mengikut tradisi nenek moyang masing-masing. Bagi suku Temuan di Melaka, khususnya Jasin mereka merayakan Tahun Baharu Cina. Hal ini berbeza dengan suku Temuan di Johor, Negeri Sembilan apabila mereka merayakan Hari Raya Puasa.

Petempatan orang asli yang masih wujud di Daerah Jasin ialah:

1. Kampung Orang Asli Bukit Seraya, Bukit Senggeh;
2. Kampung Orang Asli Solok Terentang, Jus, Selandar;
3. Kampung Orang Asli Air Sialang, Batang Melaka;
4. Kampung Orang Asli Air Dusun, Selandar;
5. Kampung Orang Asli Lubuk Bandung, Simpang Bekoh; dan
6. Kampung Orang Asli Gapam Baru Bukit Langsat, Nyalas.



Lawatan Ketua Menteri Melaka, YAB Tuan Haji Adly bin Zahari ke Kampung Orang Asli Lubuk Bandung sempena Program Ihya' Ramadhan 2018

Sumber: <https://www.pdtjasin.gov.my>



Kanak-kanak bermain di halaman rumah



Sumber: Ho Hwee Sian

Kanak-kanak Kampung Orang Asli Lubuk Bandung bermain tanglung semasa perayaan pesta tanglung



Sumber: Ho Hwee Sian



Sumber: <https://www.pdtjasin.gov.my>



SENI BINA
JASIN

Seni Bina

RUMAH KEDAI

Kasinambungan daripada kelangsungan sumber ekonomi setempat, deretan bangunan konkrit 2 tingkat secara keseluruhannya dibina secara bertentangan antara satu sama lain di sepanjang Jalan Demang Haji Abu dan Jalan Haji Md. Yasin .

Bangunan batu ini dibina lebih tersusun antara tahun 1925 hingga 1930, iaitu lebih kurang 90 tahun yang lalu. Bangunan ini dimiliki oleh kaum India, Cina dan Melayu yang datang ke Jasin untuk berniaga. Setiap unit dalam sesuatu deretan blok rumah kedai mempunyai dekorasi fasad yang hampir sama, yang menggambarkan fasa pembinaannya.




Transisi dan Perubahan Reka Bentuk Rumah Kedai

1910-an—1930-an



Fasad turut menampilkan bahan-bahan hiasan yang diimport dari Eropah seperti besi tuang dan juga jubin bercorak

1930-an—1960-an



Reka bentuk geometri yang menentang garisan-garisan melintang dan menegak hasil pengaruh aliran Art Deco di Eropah

Struktur Rumah Kedai

Secara umumnya, fasad hadapan di tingkat atas dipenuhi dengan tingkap yang sama bentuk dan saiz pada kekotak bingkai konkrit, manakala daun tingkap pula adalah daripada panel kayu.

Rumah kedai di pekan ini dibahagikan kepada 3 ruang, iaitu ruang hadapan, tengah dan belakang. Di tingkat bawah, ruang hadapan berfungsi sebagai ruang perniagaan bersekal dengan kali lima. Ruang tengah pula menghubungkan ruang hadapan dan belakang serta menempatkan dapur. Bahagian belakang pula terdapat ruang courtyard yang memisahkan tandas dari dapur.

Courtyard & Tandas

Ruang Niaga

Rumbung

Tingkat Atas

Tingkat Bawah

Kaki Lima

Dapur




Pandangan Fasad Rumah Kedai





Sebahagian kedai yang fasad bangunannya telah diubah suai dengan menambah ketinggian daripada dua (2) kepada tiga (3) tingkat. Hal ini menyebabkan skala asal bangunan telah berubah.



Kaki Lima Rumah Kedai

Kaki lima rumah kedai tradisional di Malaysia tidak dinafikan mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri, terutamanya daripada segi corak dan reka bentuk yang menarik dan unik.

Reka bentuk, corak dan hiasan kaki lima rumah kedai tradisional merupakan salah satu aspek penting yang mencorakkan keunikan sesebuah rumah kedai. Kaki lima yang pelbagai corak yang masih kekal menjadikan imej sesebuah bangunan warisan menjadi lebih menarik.






Deretan bangunan kedai yang dibina pada tahun 1927 yang mempunyai kesenian tersendiri. Secara luarannya seperti kesenian dari Negara India yang mempunyai struktur seperti gerbang di atas bangunan.



Seni bina deretan rumah kedai ini mempunyai elemen dekorasi yang minimum. Penekanan diberikan berasaskan kepada fungsi ruang yang membolehkan aktiviti ekonomi dan kehidupan harian dijalankan di dalam bangunan yang sama.

RUMAH MELAYU TRADISIONAL



Rumah Penghulu Md. Natar, Merlimau



Sumber : <http://rumahmelakawarisanmelayu.blogspot.my/>



Rumah Penghulu Abdul Ghani bin Abdul Majid di Merlimau, Jasin ini adalah antara Rumah Melaka tertua dan merupakan antara rumah Tradisional Melayu yang tercantik di negara ini. Rumah ini mempunyai seni bina yang sangat unik dengan gabungan gaya seni bina Melayu, Cina dan Eropah.

Rumah ini pernah didiami oleh seorang ketua masyarakat yang menjawat jawatan Demang atau Ketua Penghulu. Segala peralatan perabot gaya Eropah seperti meja, almari, kerusi dan katil yang diguna pakai di dalam rumah ini berbeza dengan cara tradisional Melayu seperti kebiasaannya yang hanya duduk bersila.

Senarai pemilik rumah warisan Melayu

Penghulu Abdul Majid	Tahun 1831-1834
Penghulu Abdul Ghani	Tahun 1834-1934
Penghulu Md. Natar	Tahun 1934-1978



Rumah Tradisional, Sebatu



Rumah Tradisional Pondok Kempas



Antara keistimewaan rumah warisan ini ialah pengekalan ciri-ciri tradisional pada ukiran bunga pada jendela dan masih menggunakan kayu yang mempunyai standard yang tinggi bagi mengekalkan keutuhan rumah.

Rumah warisan ini mempunyai ruang khas untuk tuan rumah atau tetamu menyimpan barangan di bahagian atap rumah.

Rumah warisan yang masih mengekalkan seni bina atap tradisional dan mempunyai beranda khas untuk tetamu yang datang dan juga tempat untuk bersama keluarga pada masa lapang.



Rumah Tradisional Demang Haji Jaafar, Sungai Rambai



Rumah Tok Mad Deni, Kelubi



Keunikan tangga batu rumah Melayu Melaka ini diperindahkan lagi dengan jubin pelbagai corak di samping ukiran-ukiran kayu pada tiang, pintu dan tingkap. Keserian rumah-rumah ini ditambah lagi dengan landskap laman yang biasanya dihiasi dengan pokok-pokok bunga khususnya bunga kertas yang diletak dalam pasu beralaskan batu bata dan disusun di sekitar bahagian hadapan rumah.

Rumah tradisional orang Melayu Melaka ini jelas menunjukkan ketinggian kreativiti dan keprihatinan terhadap unsur alam sekitar yang telah diabdikan atas tempat kediaman. Begitu lah indahny dan seninya orang-orang Melayu di Negeri Melaka.

MASJID



Masjid Air Barok



Masjid ini telah diwartakan di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988. [Enakmen No. 6 Tahun 1988]

Sumber: Arkib Negara (Malaysia)



Masjid ini merupakan salah satu contoh keunikan ketara identiti seni bina vernakular kategori masjid di Negeri Melaka.



REKREASI & PELANCONGAN

JASIN



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Taman Muhibbah Jasin

Taman Muhibbah merupakan taman rekreasi awam di Bandar Jasin yang lengkap dengan pelbagai kemudahan.

Dahulunya, taman ini dijadikan tempat berkumpul oleh penduduk tempatan bagi acara keraian, pesta dan sebagainya.



Kereta lembu berhias di Taman Muhibbah.



Sumber: <http://ayang05.tripod.com/jasin>

Bangunan kedai Avon yang dahulunya ialah tapak stesen pam minyak Shell



Dataran Jasin

Dataran Jasin yang terletak berhampiran Pejabat Daerah dan Tanah Jasin juga merupakan salah satu kemudahan rekreasi dan riadah di Bandar Jasin.

Pusat Latihan Golf Warisan Jasin

Kelab Golf Jasin yang dahulunya terbiar, kini telah berubah wajah menjadi Pusat Latihan Golf Warisan Jasin menerusi cetusan idea Tuan Yang Terutama, Tun Mohd. Khalil bin Yaakob. Pembangunan semula padang golf yang telah dibina sejak 1926 itu merancang lagi sukan golf sebagai subsektor pelancongan negeri.

Padang tersebut sebelum ini dikenali sebagai Kelab Golf Jasin, ditubuhkan oleh orang British yang bekerja menjaga ladang-ladang getah dimiliki Syarikat India Timur (East India Company). Pembangunan padang golf mempunyai hanya enam (6) lubang berbanding sembilan (9) atau lapan belas (18) lubang kebiasaannya mampu memberi nafas baharu di kawasan yang begitu nostalgia dan mempunyai nilai tersendiri terutama kepada penduduk tempatan dan peminat sukan golf.

Selain menawarkan perkhidmatan pakar, pusat latihan ini juga menawarkan latihan teori dan praktikal kepada individu yang berminat untuk bermain golf.



JASIN



Taman Ekstrem Tasik Chinchin



Air Panas Jasin



Laman 3 Budaya

Laman 3 Budaya terletak di titik pertemuan tiga negeri, iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Antara aktiviti ditawarkan ialah taman tema air, kawasan tapak perkhemahan, meredah hutan dan mendaki bukit. Laman ini juga sesuai untuk mengadakan aktiviti rekreasi, bina semangat, program jati diri, kursus berasaskan hutan dan air.



Air Terjun Asahan

Air Terjun Gunung Ledang atau Air Terjun Asahan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur, termasuk penginapan. Antara tarikan utama di sini ialah sungai dan air terjun. Pengunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti seperti perkhemahan, meredah hutan, mendaki gunung (1276 m), mandi-manda, memerhati burung, seminar dan kem motivasi.

Di sini juga terdapat pelbagai jenis dan spesies flora dan fauna antaranya orkid hutan dan peruk api hutan yang cantik dan menarik.

Gunung Ledang terletak di antara Negeri Johor dan Melaka. Di Bahagian Melaka ialah Asahan manakala di Johor ialah Sagil.



Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah

Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah ini terletak dalam Hutan Simpan Bukit Senggeh, iaitu jenis hutan dipterokarp. Bukit Batu Lebah ini mempunyai ketinggian 500 hingga 600 meter daripada paras laut. Dinamakan Bukit Batu Lebah kerana terdapat banyak Batu Lebah pada batu bata dan gua.




Hutan Rekreasi Bukit Langsat

Hutan Rekreasi ini telah dinaik taraf dengan menerapkan ciri-ciri pembelajaran dan aktiviti sukan terutama sekali sukan lasak .



Eko-Bakau Negaraku
Jeti Nelayan Kuala Merlimau






Hutan Simpan Bukit Sedanan

Taman Negeri Melaka terletak di kawasan Hutan Simpan Bukit Sedanan seluas 676 ekar. Terdapat kemudahan chalet, asrama, tapak perkhemahan, menara tinjau dan kemudahan lain bagi menjalankan aktiviti seperti jogging dan berkayak. Terdapat juga sebuah tasik untuk aktiviti kayak.



Laman Belia



Perigi Portugis

PERIGI PORTUGIS, MERLIMAU

Perigi Portugis terletak di Kampung Pengkalan Samak Merlimau, Melaka. Perigi ini dipercayai dibina oleh tentera Portugis yang berkawal di situ semasa menentang orang-orang Bugis. Perigi ini merupakan sumber air utama tentera Portugis yang bertugas di situ di samping sebagai keperluan minuman dan memandikan kuda-kuda milik mereka.

PORTUGUESE WELL, MERLIMAU

This Portuguese well is located at Kampung Pengkalan Samak in Merlimau, Melaka. It is believed to have been built by the Portuguese army stationed there to defend against the Bugis. The well was the main source of drinking water both for the Portuguese army and their horses, besides being used to bathe the latter.

The well was built with laterite rocks obtained from the beaches of islands around Melaka, such as Upeh Island and Jawa Island. According to stories told by locals, the well had never dried up, even during the worst drought, result, it has always been used by the local folks nearby for their day-to-day needs till now.

PERIGI PORTUGIS, MERLIMAU

Perigi Portugis terletak di Kampung Pengkalan Samak Merlimau, Melaka. Perigi ini dipercayai dibina oleh tentera Portugis yang berkawal di situ semasa menentang orang-orang Bugis. Perigi ini merupakan sumber air utama tentera Portugis yang bertugas di situ di samping sebagai keperluan minuman dan memandikan kuda-kuda milik mereka.

Perigi ini dibina menggunakan batu laterit yang diambil dari pantai Pulau-Pulau di Melaka seperti Pulau Upeh dan Pulau Jawa. Mengikut cerita penduduk kampung air di perigi ini tidak pernah kering walaupun pada musim kemarau dan ia seringkali digunakan oleh penduduk berhampiran untuk kegunaan seharian dan masih kekal sehingga kini.

PORTUGUESE WELL, MERLIMAU

This Portuguese well is located at Kampung Pengkalan Samak in Merlimau, Melaka. It is believed to have been built by the Portuguese army stationed there to defend against the Bugis. The well was the main source of drinking water both for the Portuguese army and their horses, besides being used to bathe the latter.

The well was built with laterite rocks obtained from the beaches of islands around Melaka, such as Upeh Island and Jawa Island. According to stories told by locals, the well had never dried up, even during the worst drought, result, it has always been used by the local folks nearby for their day-to-day needs till now.



Makam Tun Teja





Limastiga



The Hut



JASIN



JASIN

**Kem Modal Insan
(Agrotourism Homestay)**



Perkampungan Ikan Bakar Terapung (PIBT)

Selain terkenal dengan tempat dan bangunan bersejarah, antara ikon lain yang menjadi tarikan di Melaka ialah Perkampungan Ikan Bakar Terapung (PIBT) Umbai, Jasin yang terletak di persisiran pantai Selat Melaka. Selain keenakan makanan dengan harga yang berpatutan, lokasi dan struktur pembinaannya menjadikan PIBT berbeza dengan tempat lain merupakan antara faktor tarikan pengunjung ke sini.



Foto Udara Perkampungan Ikan Bakar Terapung (PIBT)



Jeti Anjung Batu yang terletak kira-kira 24 km dari Bandar Jasin merupakan tempat berlabuh bot-bot penumpang yang membawa penumpang ke Pulau Besar yang berada dalam Daerah Melaka Tengah.





Foto udara Daerah Jasin daripada sempadan Daerah Melaka Tengah



JASIN



Kari Kambing dan Asam Pedas Claypot Simpang Bekoh



Bihun Sup Pak Dollah



Mi Sup Pak Dollah



Mi Rebus Pak Dollah



Biskut Tongkat Simpang Bekoh

Biskut Tongkat juga dikenali sebagai biskut mayat, biskut lutut atau biskut azan. Biskut Tongkat Simpang Bekoh ini berbeza daripada biskut tongkat yang ada di pasaran kerana bahan yang digunakan amat berkualiti, yang membuatkan bau harum biskut itu menyelerakan, selain rasanya yang berlemak dan kerangupannya menambahkan lagi selera, terutamanya jika dihidangkan dengan air kopi.

M E N U JASIN



Mi Basah

Kedai ini dikenali dengan nama Kedai Busu Yahya, Kedai Pak Ya atau Kedai Atok. Mula berniaga sekitar tahun 1974. Ketika tu keluarga mereka berniaga di sebelah Pejabat Daerah Jasin (Bangunan Lama bersebelahan dengan Jabatan Kerja Raya, Jasin). Kemudian berpindah di lokasi sekarang bermula pada tahun 1982.



WAJAH - WAJAH
JASIN



TOKOH-TOKOH

Kemasyhuran Daerah Jasin boleh dikaitkan dengan barisan tokoh yang hebat dalam pelbagai peringkat dan bidang seterusnya membuktikan anak-anak kelahiran Jasin bukan sahaja sebagai penyumbang kepada sejarah dan pembangunan negeri, malah kepada negara.



Dato' Seri Haji Mohd Adib bin Haji Mohamad Adam

Beliau dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka yang ke-5 dari 11 Julai 1978 – 26 April 1982. Beliau juga pernah menjawat jawatan Menteri Penerangan Malaysia dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Koperasi dan Usahawan.

Allahyarham YAB Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin

Beliau merupakan bekas Ketua Menteri Melaka yang ke-8 bermula dari 23 Mei 1997 sehingga 02 Disember 1999. Dilahirkan pada 14 September, 1937 di Kampung Merlimau Pasir, Melaka. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Merlimau selama tiga tahun dan seterusnya ke Sekolah Tinggi Melaka dalam Special Malay Class pada tahun 1948. YAB Datuk Seri Abu Zahar meninggal dunia pada 12 Julai 2013 akibat penyakit kencing manis dan komplikasi buah pinggang.



Datuk Rabuan bin Pit

Beliau merupakan pelari pecut yang berjaya mengharumkan nama negara. Rabuan Pit, anak penoreh getah dari Melaka ini berjaya memperoleh kejayaan cemerlang ketika mewakili negara dalam kejohanan Sukan SEA 1979 dengan memenangi emas dalam acara 400 dan 200 meter.

Beliau berjaya membuktikan anak tempatan boleh melakar nama di peringkat antarabangsa apabila memenangi pingat emas acara 100 meter di Kejohanan Sukan Asia 1982 di New Delhi.

Allahyarham Tan Sri Abdul Aziz bin Tapa

Beliau dilahirkan di Kampung Rim, Jasin pada 13 Jun 1923 dan merupakan seorang guru sebelum berkecimpung dalam dunia politik pada tahun 1946 dengan menyertai Pergerakan Melayu Semenanjung Johor iaitu gerakan anti-Malayan Union yang diketuai Datuk Onn Jaafar.

Beliau pernah memegang jawatan penting dalam UMNO dan Barisan Nasional Melaka dan pernah menjadi Senator Dewan Negara dari 1975 hingga 1977 serta Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nyalias pada 1978 dan ADUN Rim pada 1982.

Bagi mengenang jasanya dalam perjuangan untuk orang Melayu, beliau telah dianugerahkan Anugerah Tokoh Melayu Terbilang UMNO 2016 semasa Hari Ulang Tahun UMNO Ke-70.



YAB Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris bin Rashid

Beliau merupakan Ketua Menteri Melaka yang ke-10 dan dilantik pada 7 Mei 2013. Beliau dilahirkan pada 13 Mei 1966 di Asahan, Melaka. Beliau bersekolah di empat (4) sekolah rendah, iaitu SRK Simpang Bekoh ke SRK Belading, SRK Asahan (1973-1977) dan SRK Kubu (1977-1978). Dari tahun 1979 sehingga tahun 1983 beliau belajar di Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Ayer Keroh. Beliau melanjutkan pengajiannya ke Pusat Bahasa ITM dalam jurusan bahasa Inggeris dan pernah dilantik Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Seksyen 17, Shah Alam pada tahun 1984.

Pada 1989, beliau menamatkan pengajian dari University of Texas, Amerika Syarikat dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal. Beliau menjadi Pengerusi Persidangan Pelajar Malaysia sehingga mendapat ijazah pada tahun 1989. Pada tahun 1993, beliau mengikuti latihan intensif bahasa Jepun di ITM sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal di Tokyo Kensyu Centre, Jepun.

Beliau mengikuti latihan di bawah Kandenko Corporation Ltd selama enam (6) bulan di Tokyo, Jepun, dalam bidang sistem pembahagian elektrikal.

YB Omar Jaafar

Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka bagi penggal ke-14 ini ialah anak jati Kampung Kesang Tua, Jasin yang dilahirkan pada 27 Oktober 1941.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kesang Tua, Jasin (1947 - 1951), Bandar Hilir English School (1952 - 1954) dan High School, Melaka (1955-1959). Kemudian beliau mengikuti sijil perguruan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur selama dua (2) tahun (1961-1962) sebelum berkhidmat sebagai tenaga pengajar di maktab dan pelbagai sekolah menengah. Beliau menyambung pengajian di Universiti Malaya pada tahun 1968 dalam bidang Sosiologi di Fakulti Sastera. Pada tahun 1980, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di The Pennsylvania State University, Amerika dalam bidang Pentadbiran Awam dan tamat pada tahun 1982.

Beliau mempunyai pengalaman bekerja yang sangat luas mencakupi pelbagai bidang di pelbagai peringkat.





Tun Ghafar Baba

Tun Abdul Ghafar bin Baba atau nama sebenar beliau Abdul Rapal bin Baba merupakan Ketua Menteri Melaka ke-2 bermula pada 1 Jun 1959 hingga 5 Oktober 1967.

Walaupun beliau merupakan anak kelahiran Kuala Pilah, namun sumbangannya terhadap negeri Melaka amnya dan Daerah Jasin khususnya sememangnya layak untuk diberi gelaran ikon 'tokoh politik kampung' yang berjiwa Melayu tulen.

Beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka atau Ahli Parlimen Jasin selama 49 tahun berturut-turut, menerusi 11 pilihan raya umum sejak 1955 hingga 1999.



Ketua Menteri, Encik Ghafar Baba dan Pengerusi Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan, Tan Sri Taib Bin Andak menyertai Tun Abdul Razak Razak menangkap ikan di Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan, Kemendor pada 11 September 1966.



Projek Skim Rancangan FELDA yang dinamakan Gugusan Felda Tun Ghafar Baba



MRSM Jasin ditukar nama kepada MRSM Tun Ghafar Baba pada 27 Julai 2006 selepas beliau meninggal dunia bagi mengenang jasa beliau.



Enam Felda di Melaka dinamakan semula sempena nama Tun Abdul Ghafar iaitu di Machop, Hutan Percha, Menggong, Kemendor, Air Kangkong dan Bukit Senggeh pada 7 April 2007.

SELAMAT DATANG
Y. A. B. DR. ABDUL GHAFAR B. BABA TIMBALAN PERUSAHA MENTERI MALAYSIA
KE MAJLIS KESYUKURAN DAN DOA SELAMAT MAJLIS PENDUDUK- PENDUDUK
DAN AHLI-AHLI U.M.N.O. LIPAT KAJANG, JASIN, MELAKA.
PADA 3 HB. OKTOBER, 66

Sungguhpun pepatah lama ada mengatakan 'patah tumbuh hilang berganti', namun pemergian Allahyarham Tun Abd Ghafar Baba bagaikan kehilangan sebutir permata yang tidak mungkin akan dapat dicari ganti.





C E R I A
JASIN



Tirai Berlabuh

Bagi yang tidak mengenali Jasin, bandar ini yang dahulunya dikenali sebagai pekan hanya dianggap sebagai sebuah pekan kecil berlatarbelakangkan aktiviti pertanian disekelilingnya. Namun, menyingkap satu persatu sisi Jasin membawa seribu pengalaman dan kesedaran mengenai keistimewaan pekan ini.

Pekan Jasin pernah menjadi tumpuan golongan imigran serta syarikat-syarikat luar untuk menerokai hasil bijih timahnya abad yang lalu. Walaupun kini tiada lagi hasil bijih timah, namun bandar ini terus berkembang sebagai lokasi penyedia kemudahan dan pemangkin ekonomi setempat.

Khazanah alamnya terpelihara di setiap sudut yang kaya dengan pemandangan semulajadi, sejarah silam, kehalusan binaan fizikal Melayu tradisional dan kehidupan masyarakat yang sentiasa setia mengisi setiap sudut pekannya.

Selain perancangan pembangunan yang dibuat bagi memajukan kawasan Jasin, sektor pelancongan juga turut mempunyai potensi besar dengan adanya khazanah alam semula jadi serta tinggalan sejarah.

Sesungguhnya Jasin sewajarnya lebih dikenali dengan kepelbagaian tarikan yang mempunyai keistimewaan tersendiri bagi memastikan kawasan ini dihargai dan kelangsungan hidup masyarakat terjamin. Sejarah lama dan budaya harus dipelihara sebagai bukti peradaban di sini.

Jasin mempunyai wajahnya yang tersendiri, kelainan, perkara yang diingini dalam mencari ketenangan dan kedamaian hidup. Hamparan Tasik Chinchin yang meluas, desiran air sungai yang jernih menyusuri sempadan negeri serta kesegaran kabus dinikmati di kaki Gunung Asahan dinikmati oleh penduduknya. Semua ini perlu dikongsi bersama. Biar dunia mengenali wajah sebenar Jasin yang menjanjikan seribu perbezaan sebagai pekan bersejarah.

Di Bandar Jasin, seribu peristiwa, peninggalan dan kenangan dilabuhkan

Penghargaan

Pihak penerbit buku *Imej Bandar Jasin* ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu, jabatan atau agensi yang turut sama menyumbang dalam penyediaan buku ini :

Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
Majlis Perbandaran Jasin
Arkib Negara Malaysia
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Melaka
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka
Perbadanan Muzium Negeri Melaka

En. Suhaizan bin Noh

En. Mohammad Hafiz bin Othman

En. Mohd. Halim bin Noordin

En. Mohammad Fadzli bin Ab Kadir

En. Burkhan bin Abdullah

Pn. Ghanimah binti Mohd. Zin

Tn. Hj. Adam bin Hj. Alias

En. Azizan bin Rosli

En. Amir Afandi bin Madzlan

Rujukan

Jabatan Muzium Malaysia. 2014. *Senibina Malaysia : Warisan dalam Kepelbaqiaan*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.

Jabatan Pelajaran Melaka, 1974. *Sejarah Sekolah-Sekolah Melaka*.

Persatuan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia (PKPSM) Cawangan Melaka. *Sejarah Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Melaka*.

Jamilah binti Maidu. 1983. *Sejarah Daerah Jasin 1924-1940*. Universiti Kebangsaan Malaysia

Tan Bichik bin Md Dahan. 2002. *Pembentukan dan Pembangunan Daerah Jasin, Melaka : Abad Ke 19*. Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Jasmi Ahmad dan Jaafar Kelana Al Bugisi, 2016 . *Sungai Rambai Merentas Zaman (1790-2015) Dari Sulawesi Selatan ke Kepulauan Riau dan Berkampung di Tanah Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia.

Wira Negara Tun Abdul Ghafar Baba. 2008. *Arkib Negara Malaysia*.

Ito Iwee Sian. 1993. *Sinkretisme di Kalangan Masyarakat Temuan di Kampung Lubuk Bandung, Melaka*.

Suara Melaka 1981 -1992 . *Perpustakaan Negeri Melaka*.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0123&pub=Utusan_Malaysia&sec=Selatan&pg=ws_01.htm

<http://ayang05.tripod.com/jasin/>

<https://www.pdtjasin.gov.my/>

<http://www.sinarharian.com.my/egisi/melaka-ns/tapak-arkologi-berpotensi-jadi-produk-pelancongan-1.712968>

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/hidupkan-semula-perkhidmatan-pejabat-pos-asahan-1.63478>